

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"ORANG-orang Brunei, di samping sudah matang untuk membuat penilaian, mereka juga memang tidak ada masa atau keinginan untuk terbabat dengan sebarang anasir di mana saja. Mereka lebih sibuk membangun Brunei yang aman di bawah kepimpinan yang telus dan adil berbanding undang-undang dan ajaran Islam tulen."
-Titah Sempena Majlis Menyambut Awal Tahun Baharu Hijrah 1438.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN Nabi Noh berkata (kepada pengikut-pengikutnya yang beriman) : Naiklah kamu sekalian ke dalamnya (bahtera) dengan menyebut nama Allah ketika belayar dan berlabuhnya, sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat 41.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.36

SUBUH

4.46

SYURUK

6.05

DUHA

6.28

ZUHUR

12.05

ASAR

3.25

MAGHRIB

6.02

ISYAK

7.13

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 131

31 OKTOBER 2018 / 1440 22 صفر

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (High Yielding Hibrid Variety Paddy) di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di KKP Wasan, Mukim Pengkalan Batu dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Berangkat sama Kebawah DYMM ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM dijunjung untuk mendengar sembah taklimat daripada Jurueko Pertanian, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali; Pengerusi Koperasi Setia Kawan (KOSEKA), Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Mohd. Shahan bin Hidup dan Ketua Ladang



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin
Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan
Haji Tengah, Hamzah Mohidin

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menanam Padi Hibrid Berhasil Tinggi di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) menggunakan mesin jentera penanaman padi (paddy transplanter).
- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 3 dan 4).

Projek Penanaman Padi, Majlis Perundingan Mukim (MPM) Pengkalan Batu, Awang Haji Yakub bin Haji Othman.

Bagi memberkati majlis, acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato

Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengurniakan Titah Perasmian bagi menyempurnakan Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (High Yielding Hibrid Variety Paddy) dan kemudiannya dijunjung berangkat untuk menanam Padi Hibrid Berhasil Tinggi di Ladang KOSEKA dengan menggunakan mesin jentera penanaman padi (paddy transplanter).

Ke muka 3



Muka 10

TABUNG Kemanusiaan
Bencana Sulawesi terima
sumbangan lebih BND16 ribu



Muka 20

TINJAU Pejabat
Pos Pusat
Memproses Mel

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN



سيكتور قرتانين: سورفوباليتي بغسانان نكارا
"SEKTOR PERTANIAN: SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA"

● MAJLIS ILMU - 19 RABIULAWAL HINGGA 21 RABIULAWAL 1440H BERSAMAAN 27 NOVEMBER HINGGA 29 NOVEMBER 2018M
● PAMERAN MAJLIS ILMU - 19 RABIULAWAL HINGGA 25 RABIULAWAL 1440H BERSAMAAN 27 NOVEMBER HINGGA 3 DISEMBER 2018M

MAJLIS ILMU 2018
SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-72 TAHUN

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama

Joko Widodo berikutan dengan kemalangan nahas udara pesawat Lion Air JT 610 baru-baru ini.

Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, baginda berasa sedih mendengar berita mengenai tragedi tersebut. Baginda, kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam ingin menyampaikan ucapan takziah dan simpati yang amat mendalam kepada Tuan Yang Terutama serta kerajaan dan

rakyat Republik Indonesia, terutama sekali kepada keluarga mangsa yang terkorban dalam nahas berkenaan.

Pada mengakhiri ucapan takziah itu, Kebawah DYMM berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Republik Indonesia akan sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan berharap semoga keluarga-keluarga mangsa akan terus tabah dan bersabar dalam menempuhi dugaan ini.

Dari Sidang
Pengarang.

31 OKTOBER 2018 BERSAMAAN 1440 صفر 22

PENYAKIT STROK PENYUMBANG KEEMPAT TERTINGGI KEMATIAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI seluruh dunia, strok menyebabkan satu dalam sepuluh (1 dalam 10) jumlah punca kematian yang kedua tertinggi di kalangan orang-orang yang berumur lebih dari 60 tahun. Di Negara Brunei Darussalam pula, Strok adalah penyebab kematian yang keempat tertinggi dengan mencatatkan kira-kira 143 kematian pada tahun 2017. Manakala lebih dari 300 kes Strok berlaku dalam setahun di negara ini. Ini bermakna seramai 300 orang dan keluarga mereka akan terganggu dan terjejas oleh Strok tambahan lagi kira-kira 78 peratus daripada penghidap Strok tersebut terdiri daripada kaum lelaki.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Hari Strok Sedunia 2018 yang disambut pada setiap 29 Oktober di seluruh dunia. Pada tahun ini tema Hari Strok Sedunia ialah 'Bangkit Semula Setelah Strok'.

Setiap tahun seluruh negara di dunia termasuk Negara Brunei Darussalam meneruskan usaha dan perjuangannya dalam mengukuhkan tindakan-tindakan pencegahan, rawatan dan pengawalan Penyakit Strok atau Angin Ahmar serta dalam mengurangkan beban penyakit berkenaan.

Penyakit Strok atau Angin Ahmar adalah sejenis penyakit tidak berjangkit yang dihadapi oleh sesiapa sahaja yang antaranya berpunca dari pertambahan usia, darah tinggi, kencing manis, kolesterol tinggi dan merokok. Istilah 'serangan otak' kini semakin digunakan di Amerika Syarikat untuk Strok, disebabkan penyakit ini adalah padanan untuk 'serangan jantung' yang merupakan masalah kesihatan yang diakibatkan oleh salur darah tersumbat dan bekalan darah ke sebahagian jantung diganggu.

Strok dikategorikan sebagai kecemasan perubatan yang boleh menyebabkan kerosakan saraf yang kekal serta juga kematian jika tidak dikesan dan dirawat dengan cepat. Apabila aliran darah ke otak terjejas, kerosakan kepada tisu otak boleh menyebabkan perubahan kekal seperti kelemahan pada lengan atau kaki, hilang keseimbangan badan, kesukaran dalam pertuturan, masalah ingatan (demensia) yang menyebabkan ketidakupayaan atau dalam kes yang lebih serius boleh membawa kepada kematian.

Menurut Pertubuhan Strok Sedunia (W.S.O), 80 juta orang di seluruh dunia adalah mangsa Strok yang terselamat (*survivors*) dan 50 juta orang dari jumlah tersebut kini menempuh hidup dengan ketidakupayaan ataupun *disability* yang kekal. Bahkan strok adalah penyebab utama ketidakupayaan di seluruh dunia.

Adalah penting ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan bagi kita semua mengenali tanda-tanda awal strok dengan pantas melalui 'Pergerakan', iaitu tiba-tiba hilang keseimbangan atau koordinasi badan; 'Ada kesulitan melihat', perubahan penglihatan secara tiba-tiba seperti penglihatan berganda atau buta pada sebelah mata; 'Nampak wajah menjelek', iaitu menjelek atau rasa kebas pada sebelah muka yang menyebabkan senyuman tidak seimbang; 'Tangan kebas', kelemahan pada satu tangan dan seperti tidak dapat mengangkat kedua-dua tangan; 'Amat sukar bercakap', di mana ucapan tidak jelas atau ucapan yang sukar untuk difahami. Jika terdapat tanda-tanda tersebut hendaklah segera dapatkan bantuan di Jabatan Kecemasan dengan menghubungi 991, walaupun tanda-tanda seolah-olah hilang.

Akhirnya Yang Berhormat menggesa kepada semua untuk memberi harapan dan sokongan yang berterusan kepada mangsa Strok termasuk ahli keluarga bekerjasama memberikan bantuan dalam penjagaan dan pemulihan yang terbaik termasuklah dalam aspek pengintegrasian semula ke dalam masyarakat seperti kembali ke tempat kerja atau mengamalkan aktiviti harian mereka tanpa mengira sebarang ketidakupayaan.

Dengan pemberian rawatan yang segera dan pada peringkat seawal-awalnya serta mendapatkan jenis penjagaan yang bersesuaian akan mampu mengurangkan risiko strok. Bagi mereka yang sudah terjejas oleh strok dengan penjagaan yang betul dan berkeinginan yang kuat untuk bertahan dan untuk bangkit semula, ia boleh memberikan perbezaan yang besar pada kesihatan keseluruhan dan sememangnya tidaklah mustahil bagi mereka untuk *#BangkitSemulaSetelahStrok*.

Bersempena dengan Hari Strok Sedunia, marilah kita sama-sama menyedari tentang bahayanya penyakit ini dan berganding bahu dalam usaha mencegah serta mengawal penyakit strok untuk menyelamatkan lebih ramai lagi nyawa apatah lagi daripada menimpa orang yang tersayang.

- Ketua Penyuntingan (Nh).

Jumlah perdagangan negara meningkat 49.4 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Jumlah perdagangan pada bulan Julai 2018 meningkat kepada BND1,315.3 juta berbanding BND880.4 juta pada bulan Julai 2017, iaitu peningkatan sebanyak 49.4 peratus tahun ke tahun.

Menurut Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (IMTS) bagi bulan Julai 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), jumlah eksport meningkat pada kadar 41.6 peratus tahun ke tahun kepada BND841.0 juta (Julai 2018) dari BND593.8 juta (Julai 2017).

Peningkatan itu disebabkan oleh

peningkatan jumlah eksport Minyak Mentah dan Gas Cecair Asli (LNG) yang masing-masing meningkat sebanyak 55.3 peratus dan 27.0 peratus tahun ke tahun berikutan peningkatan jumlah isi padu dan purata harga Minyak Mentah dan LNG.

Jumlah import mencatatkan peningkatan sebanyak 65.5 peratus tahun ke tahun daripada BND286.6 juta (Julai 2017) kepada BND474.3 juta (Julai 2018).

Manakala itu, lima komoditi import utama adalah Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (35.9 peratus) diikuti oleh Barang-Barang Keluaran Kilang (34.5 peratus), Makanan (9.9 peratus), Bahan Api Galian (6.4 peratus) dan Bahan-Bahan

Kimia (6.3 peratus).


Pada bulan Julai 2018, pasaran eksport terbesar adalah Negara Jepun, iaitu sebanyak 22.5 peratus diikuti oleh Australia (14.1 peratus), Republik Korea (13.3 peratus), Thailand (11.5 peratus), Taiwan (10.6 peratus) dan lain-lain.

Dari segi import mengikut negara asal, sumbangan terbesar adalah dari Negara China sebanyak 47.0 peratus diikuti oleh Singapura (14.6 peratus), Malaysia (12.7 peratus) dan lain-lain.

IMTS bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan 'General System' bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi bulan Julai 2018 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE di www.depd.gov.bn.

Prestasi Perdagangan Bagi Brunei Darussalam



RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 31 24 °C	32 25 °C	31 24 °C
PEKAN BANGAR 31 24 °C	32 25 °C	31 24 °C
PEKAN TUTONG 31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT 31 24 °C	32 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX App
Google Play | App Store

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OKTOBER	HARI	Hijrah SAFAR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31	RABU	22	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
1 NOVEMBER	KHAMIS	23	4.36	4.46	6.05	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
2	JUMAAT	24	4.36	4.46	6.06	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13
3	SABTU	25	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
4	AHAD	26	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13
5	ISNIN	27	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13
6	SELASA	28	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra pada Majlis Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengumikan Titah Perasmian bagi menyempurnakan perasmian tersebut.

Dari muka 1

Mengiringi Kebawah DYMM semasa penanaman Padi Hibrid Berhasil Tinggi tersebut adalah laungan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dipimpin oleh penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Kebawah DYMM kemudian berkenan bergambar ramai dan beramah mesra bersama

pengusaha-pengusaha padi sebelum berangkat ke Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) - Kampus Agroteknologi di Kampung Wasan bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Terdahulu, Kebawah DYMM berkenan berangkat ke beberapa kawasan ladang-ladang tanaman dan ternakan untuk menyaksikan kepelbagaian kaedah serta teknologi pertanian yang digunakan oleh para pengusaha tempatan di tiga ladang atas kawasan yang sama,

iaitu di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kampung Kilanas.

Ladang pertama ialah ladang yang diusahakan di bawah Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) yang dikelola oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di Ladang PROPAZ dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua MUIB dan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Seterusnya Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Ladang RZ Prisma Enterprise yang merupakan salah satu Projek Rintis di bawah kelolaan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Ke muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra pada majlis tersebut (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, laungan Selawat Ibrahimiyah beramai-ramai ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dipimpin oleh penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan bergambar ramai bersama pengusaha-pengusaha padi di Ladang Koperasi Setia Kawan (KOSEKA).

Dari muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di ladang tersebut dijunjung oleh Pengurusnya, Pengiran Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Ladang ketiga lawatan baginda ialah ke Ameenfarm Agrotech and Trading yang juga merupakan salah satu Projek Rintis di bawah kelolaan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM dijunjung oleh Pengurusnya, Awang Haji Irwandy bin Haji Lois. Baginda meneruskan lawatan ke Ladang Perusahaan Riza Fudhlana Farming di KKP Tanah Tuah Kulapis.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di sana dijunjung oleh Pengurusnya, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman.

Ladang Syarikat Tunas Harapan dan Hua Ho Agricultural Farm Sendirian Berhad di KKP Sibongkok,

Kampung Masin juga menjadi tumpuan lawatan baginda.

Keberangkatan tiba baginda di ladang tersebut dijunjung oleh Pengurusnya, Lau How Teck.

Turut hadir pada majlis perasmian, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Limau Manis, Mukim Pengkalan Batu, Timbalan-Timbalan Menteri, para perwakilan asing ke negara ini serta peladang-peladang padi di KKP Wasan.

Majlis Perasmian Penanaman

Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi bertujuan untuk menandakan satu lagi perkembangan baharu dalam usaha KSSUP bagi meningkatkan pengeluaran padi dan bagi meningkatkan tahap sara diri bekalan beras negara.

Pada hari ini, varieti padi yang diperkenalkan adalah dikenali sebagai Padi Sembada188, yang merupakan varieti padi yang dikenal pasti melalui kerjasama penyelidikan di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Syarikat PT. Biogene Plantation dari Republik

Indonesia yang telah dijalankan selama tiga musim bermula dari Mei 2016 dan berakhir pada Mac 2018.

Melalui kajian tersebut, Padi Sembada188 mempunyai purata hasil sebanyak 5.0 - 6.0 tan metrik sehektar semusim.

Benih Padi Sembada188 telah diimport daripada Republik Indonesia melalui Yaz & Wyn Enterprise, yang mana merupakan syarikat perusahaan bumiputera yang telah dilantik menjadi pengedar tunggal bagi Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah ketika berkenan berangkat pada Majlis Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (kiri). Manakala gambar kanan dan bawah kiri, paduka-paduka anakanda baginda, DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan DYT M Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menanam Padi Hibrid Berhasil Tinggi di Ladang KOSEKA menggunakan mesin jentera penanaman padi (paddy transplanter). Sementara gambar bawah kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



Cerminkan sikap pemedulian, dukung anak tempatan berkembang maju



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima sembah penerangan ketika mengadakan lawatan di Ladang Ameenfarm Agrotech and Trading (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan meninjau tanaman di RZ Prisma Enterprise yang menggunakan Sistem Rumah Terlindung (Greenhouse) dan Sistem Hidroponik Bertingkat (Vertical Farming). Manakala gambar bawah kanan, Kebawah DYMM meninjau tanaman yang diusahakan oleh peserta PROPAZ.



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Oktober. - Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke beberapa buah tapak perusahaan pertanian di bawah kawalan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) di Daerah Brunei dan Muara mencerminkan sikap pemedulian baginda di dalam mendukung

anak tempatan kita untuk sentiasa berkembang maju bagi menghasilkan sesuatu yang dapat disumbangkan kepada negara dari segi menjana ekonomi dalam bidang pertanian.

Sebanyak tiga tapak di kawasan yang sama, iaitu Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kampung Kilanas berkenan dilawat oleh baginda.

Tapak pertama yang dikunjungi ialah ladang yang diusahakan di bawah Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) yang dikelola

oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Ketua Urusetia bagi program PROPAZ ialah Awang Haji Abd. Kahar bin Haji Hussin dan program berkenaan bertujuan untuk mengupayakan asnaf fakir dan miskin serta membuka peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada para peserta program. Tanah seluas 1.1 hektar ini diusahakan oleh lima peserta PROPAZ yang menanam jenis-jenis tanaman seperti cili, sayur daun dan jagung.

Ladang kedua yang dilawat oleh baginda ialah RZ Prisma Enterprise yang mempunyai tanah seluas satu hektar, yang menanam sayur daun dan buah-buahan bernilai tinggi, menggunakan Sistem Rumah Terlindung (Greenhouse) dan Sistem Hidroponik Bertingkat (Vertical Farming).

Perusahaan ladang tersebut merupakan salah satu Projek Rintis di bawah kelolaan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang mula bergiat pada tahun 2017 dan diurus oleh Pengiran Dato Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Ladang tersebut mempunyai seramai enam pekerja dan hasil ladang dipasarkan ke beberapa buah tempat di negara ini seperti Lifestream Organic Anajat dan

Leong Wui.

Tapak ketiga yang dilawat ialah Ladang Ameenfarm Agrotech and Trading, menyaksikan penggunaan Sistem Fertigasi dan Rumah Terlindung pada tanaman jenis sayur daun, sayur buah (Tomato dan Terung) dan buah-buahan (Batat dan Sekoi).

Ke muka 6



PADUKA-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan berangkat ke Ladang Ameenfarm Agrotech and Trading (atas dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninjau pelbagai hasil tanaman di Ladang Syarikat Tunas Harapan dan Hua Ho Agricultural Farm Sendirian Berhad di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Sibongkok, Kampung Masin.

Dari muka 5

Perusahaan ladang seluas empat hektar ini merupakan salah satu Projek Rintis di bawah kelolaan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, yang mula bergiat pada tahun 2016 dengan mempunyai seramai lima pekerja dan Pengurus ladang ialah Awang Haji Irwandy bin Haji Lois.

Kebawah DYMM seterusnya dijunjung berangkat ke Ladang Perusahaan Riza Fudhlana Farming di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tanah Tuah, Kulapis, milik Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman. Syarikat ini mempunyai seramai 16 pekerja, mula memajukan ladang berkenaan pada tahun 1994 secara Sistem Konvensional dan

kemudiannya menggunakan teknologi Sistem Reban Tertutup bermula tahun 2014 di atas tanah seluas empat hektar bagi ternakan ayam pedaging, yang mana setiap satu reban boleh menampung 20,000 hingga 23,000 ekor ayam setiap pusingan.

Seterusnya ialah Ladang Syarikat Tunas Harapan dan Hua Ho Agricultural Farm Sendirian

Berhad di KKP Sibongkok, Kampung Masin yang mengamalkan Sistem Rumah Terlindung dan Sistem Pengairan Titis (Drip Irrigation) di atas tanah seluas 20 hektar. Jenis tanaman yang ditanam adalah sayur daun, sayur buah dan buah-buahan tidak bermusim seperti buah tin, buah naga, buah ciku, buah belimbing, buah jambu batu dan lain lain.

Ladang tersebut diurus oleh Lau How Teck dan mempunyai seramai 162 pekerja.

Tapak seterusnya yang dilawat oleh baginda ialah Ladang Syarikat Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) yang terletak di KKP Wasan yang mempunyai seramai 45 pekerja.

Ke muka 7



KEBAWAH DYMM berkenan menerima sembah penerangan daripada pemilik Perusahaan Riza Fudhlana Farming, Pengiran Haji Haris bin Pengiran Haji Duraman (kiri). Sementara gambar kanan, Kebawah DYMM menerima sembah penerangan ketika meninjau reban ayam yang menggunakan Teknologi Sistem Reban Tertutup kepunyaan Perusahaan Riza Fudhlana Farming. Manakala gambar atas pula, baginda dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari di IBTE Kampus Agroteknologi di Kampung Wasan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama para pegawai dan kakitangan IBTE Kampus Agroteknologi.

Dari muka 6

Dengan keluasan tanah 186.7 hektar, ladang ini diketuai oleh Leftenan Kolonel (B) Awang

Haji Mohd. Shahlan bin Hidup, yang mana aktiviti utama adalah penanaman padi berhasil tinggi dan mula bergiat pada tahun 2006.

Ladang terakhir dilawat oleh

baginda ialah Majlis Perundingan Mukim (MPM) Pengkalan Batu juga bertempat di KKP Wasan, yang mempunyai keluasan tanah 56 hektar.

Pengerusi ladang ialah Awang Haji Tahir bin Haji Tarip dan Ketua Ladang ialah Awang Haji Yakub bin Haji Othman. Aktiviti utama ladang juga merupakan penanaman padi

yang menggunakan jentera ladang dan menghasilkan varieti padi berhasil tinggi dengan keramaian 20 pekerja yang mula bergiat pada tahun 2006.



KEBAWAH Duli Yang Maha berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada pelajar IBTE Kampus Agroteknologi (kiri). Manakala gambar kanan, baginda berkenan beramah mesra bersama para pelajar IBTE Kampus Agroteknologi.



KEBAWAH DYMM berkenan menanam Pohon Buah Tin di Ladang Syarikat Tunas Harapan dan Hua Ho Agricultural Farm Sendirian Berhad (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan memetik Buah Batat ketika berkenan berangkat ke Ladang Ameenfarm Agrotech and Trading.

Tinjau UAVC, Kementerian Pertahanan Republik Singapura



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan yang diiringi oleh Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Ng Eng Hen dan Panglima Tentera Udara, Mejar Jeneral Mervyn Tan.

REPUBLIK SINGAPURA, Selasa, 30 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hari ini berkenan membuat lawatan ke Unmanned

Aerial Vehicle Command (UAVC), Kementerian Pertahanan Republik Singapura yang bertempat di Tengah Air Base.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia ialah Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar selaku Menteri Pengiring, Dr. Mohamad Maliki Osman.

Keberangkatan tiba DYTМ dijunjung oleh Menteri Pertahanan, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Ng Eng Hen dan Panglima Tentera Udara, Mejar Jeneral Mervyn Tan.

Sejurus keberangkatan tiba di Tengah Air Base, DYTМ dijunjung ke Pentas Khas bagi menerima Tabik Khas.

DYTМ kemudiannya berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan yang diiringi oleh TYT Ng Eng Hen dan Mejar Jeneral Mervyn Tan.

Seleasai memeriksa Kawalan Kehormatan, DYTМ seterusnya dijunjung menandatangani Lembaran Kenangan di Bilik Heritage sebelum berkenan mendengarkan sembah taklimat mengenai Unmanned Aerial

Vehicle Command (UAVC).

DYTМ kemudian dijunjung berangkat ke Murai Base Camp bagi menyaksikan demonstrasi dua jenis UAV Operation dan berkenan bergambar ramai bersama Pegawai-Pegawai Kanan Operasi UAV.

DYTМ seterusnya berkenan berangkat ke UAV Mission Training Centre bagi menyaksikan dan menguji cuba UAV Training Simulator sebelum dijunjung berangkat ke Majlis Resepsi bersama Pegawai-Pegawai Kanan, Kementerian Pertahanan Republik Singapura.

Seleasai Majlis Resepsi tersebut, DYTМ berkenan menerima pesambah daripada Mejar Jeneral Mervyn Tan dan TYT Ng Eng Hen.

DYTМ kemudiannya berkenan mengurniakan cenderahati balas kepada Mejar Jeneral Mervyn Tan dan TYT Ng Eng Hen.

Setelah sesi lawatan tersebut, DYTМ kemudiannya dijunjung bagi Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura yang bertempat di Grand Hyatt Hotel.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan disembahkan taklimat dan dijunjung bagi mencuba sendiri peralatan yang terdapat di UAV Mission Training Centre tersebut.



DYTМ ketika berkenan dijunjung bagi mencuba sendiri peralatan yang terdapat di UAV Operation tersebut.



DYTМ ketika berkenan mengurniakan cenderahati balas kepada Mejar Jeneral Mervyn Tan.



DYTМ semasa berkenan dijunjung bagi disembahkan taklimat mengenai UAVC (kiri). Sementara gambar kanan, DYTМ ketika berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Menteri Pertahanan Republik Singapura, TYT Ng Eng Hen (kiri) yang berlangsung di Grand Hyatt Hotel, Republik Singapura.



Berangkat ke Majlis Santap Malam Rasmi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Rasmi yang dihoskan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Koordinasi bagi Keselamatan Nasional Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan isteri, Puan Teo Poh Yoh Yim.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Masri Osman, Hernie Suliana Haji Othman

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 29 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Rasmi yang dihoskan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Koordinasi bagi Keselamatan Nasional Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean dan isteri, Puan Teo Poh Yoh Yim.

Majlis Santap Malam tersebut diadakan di Pan Pacific Hotel.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia

ialah Menteri Negara Kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Luar, Dr. Mohamad Maliki Osman selaku Menteri Pengiring dan isteri, Puan Sadiyah Sahal.

Keberangkatan tiba DYTM dan YTM di Pan Pacific Hotel dijunjung oleh TYT Teo Chee Hean dan isteri.

DYTM dan YTM kemudian berkenan mengadakan perjumpaan bersama TYT Teo Chee Hean dan isteri sebelum dijunjung beredar ke Philippine Room bagi Majlis Santap Malam Rasmi.

Sebelum mengakhiri Majlis Santap Malam Rasmi tersebut, DYTM dan YTM berkenan bergambar ramai bersama-sama TYT Teo Chee Hean dan isteri.

Hadir di Majlis Santap Malam itu ialah Menteri Kewangan, Tuan Yang Terutama Heng Swee Keat; Menteri Pendidikan, Tuan Yang Terutama Ong Ye Kung; Menteri Negara Kanan bagi

Kementerian Komunikasi dan Penerangan, Puan Sim Ann; Menteri Negara Kanan bagi Kementerian Perdagangan dan Industri dan Kementerian Pendidikan, Tuan Chee Hong Tat dan Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huay serta pegawai-pegawai kanan Republik Singapura.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor dan isteri.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung bagi bergambar kenangan bersama-sama TYT Teo Chee Hean dan isteri.



DYTM dan YTM berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Rasmi (kiri). Manakala gambar kanan, DYTM dan YTM ketika berkenan mengadakan perjumpaan bersama TYT Teo Chee Hean dan isteri di Pan Pacific Hotel.



Pesta Usahawan Kampung mempergiat ekonomi pengusaha kecil dan sederhana



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyempurnakan pelancaran Pesta Usahawan Kampung (kanan), sementara gambar kiri, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan kunjungan ke petak-petak pesta tersebut dan beramah mesra bersama pengusaha.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - 'Pesta Usahawan Kampung' dihasratkan dapat mempergiatkan lagi perekonomian bukan sahaja perekomian pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana di Negara Brunei Darussalam, tetapi juga khusus bagi pengusaha-pengusaha Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang ada di negara ini

melalui Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Sebanyak 54 penyertaan termasuk 18 petak Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan selebihnya usahawan tempatan mengambil bahagian dalam pesta berkenaan yang mempromosikan jualan produk-produk makanan dan kraf tangan.

Pelancaran Pesta Usahawan

Kampung yang berlangsung di Airport Mall, Berakas hari ini disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga mengadakan kunjungan ke petak-petak pesta berkenaan.

Majlis juga diselenggarakan dengan perasmian Produk-Produk Majlis Perundingan Kampung (MPK)

Rancangan Perumahan Negara (RPN) Panchor Mengkubau.

Antara produk-produk MPK RPN Panchor Mengkubau ialah Rempah-Rempah, Pais, Keropok Udang dan sebagainya.

Pesta tersebut merupakan projek pertama yang dianjurkan oleh MPK Kilanas dengan Kerjasama Jabatan Daerah Brunei Muara yang melibatkan MPK daripada Daerah Brunei Muara, Tutong, Belait dan Temburong.

Pesta diadakan bermula hari ini

sehingga 4 November nanti iaitu dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Tujuan utama pesta tersebut diadakan adalah bagi mewujudkan satu platform bagi pengusaha-pengusaha 1K1P yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, dalam mempromosi dan meluaskan pasaran produk perkhidmatan mereka secara langsung kepada bakal-bakal pembeli dari dalam dan luar negara.

Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi terima sumbangan lebih BND16 ribu



PRESIDEN Persatuan Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Dr. Haji Awang Yahya bin Haji Awang Ibrahim (kiri) dan Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin (kanan) menyerahkan sumbangan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kanan) bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS).



Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Sejumlah BND16,910.00 telah diserahkan kepada Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) hasil sumbangan daripada Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) dan Masyarakat Tiong Hua dalam majlis berasingan yang berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Sumbangan sebanyak

BND1,180.00 telah diserahkan oleh Presiden PESEBAR, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Dr. Haji Awang Yahya bin Haji Awang Ibrahim kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji

Abidin.

Manakala penyerahan derma sumbangan daripada Masyarakat Tiong Hua berjumlah BND15,730.00 kepada Yang Berhormat Menteri KBS diadakan berasingan.

Penyerahan derma tersebut telah disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin; Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh; Dato Ting Jack Chai serta wakil-wakil daripada Masyarakat Tiong Hua.

Turut hadir menyaksikan

kedua majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Tahir.

Orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan derma berbentuk kewangan boleh berbuat demikian melalui tabung-tabung yang disediakan di masjid-masjid, surau-surau, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan

bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Derma juga boleh dihantar menerusi dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), 00-001-01-0076007 atau dihantar terus kepada pihak Urus Setia TKBS di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Tingkat 2, Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS pada waktu pejabat.

Sumbangan juga boleh dihantar melalui perkhidmatan SMS dengan menaip BANTU (tanpa jarak) diikuti dengan jumlah 1, 5, 10, 15 atau 20 dan dihantar ke dalam talian 38111 bagi pelanggan DST dan pelanggan PCSB sehingga 22 November 2018.

Bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menyediakan peti tabung kutipan amal boleh mendapatkan pelekat khas daripada pihak Urusetia TKBS semasa waktu pejabat.

Kutipan sumbangan derma bagi TKBS berlangsung selama tiga bulan bermula 9 Oktober 2018 hingga 6 Januari 2019.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai TKBS boleh menghubungi Urusetia TKBS melalui talian +673 2381903 sambungan 1341 / 1242 atau melalui e-mel pr.japem@gmail.com.

Sembada188 berupaya hasilkan enam tan metrik setiap hektar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohidin

WASAN, Isnin, 29 Oktober. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat bertuah bagi penduduk-penduduk di daerah ini dan seterusnya berkenan melancarkan Penanaman Varieti Padi Hibrid Yang Berhasil Tinggi, iaitu yang dikenali sebagai Padi Sembada188, yang berasal dari Indonesia.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong ketika ditemu bual pada Majlis Perasmian Penanaman

Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (High Yielding Hibrid Variety Paddy) di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu berkata, jenis padi ini boleh menghasilkan purata padi sebanyak enam tan metrik setiap hektar pada satu musim dan benih Padi Sembada188 telah diimport dari Republik Indonesia melalui Yaz & Wyn Enterprise, yang mana merupakan syarikat perusahaan bumiputera yang telah dilantik menjadi penderang tunggal bagi Negara Brunei Darussalam.

Pelancaran penanaman Padi Hibrid itu adalah bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun.

Di antara beza Padi Laila dan Padi Sembada188 ini menurut Yang Berhormat ialah dari segi hasil setiap hektar, di mana Padi Sembada ini membuahkan hasil padi sebanyak enam tan metrik setiap hektar setiap musim, sedangkan Padi Laila membuahkan hasil sebanyak tiga tan metrik setiap hektar setiap musim sahaja. Jadinya, dengan menanam Padi Sembada ini, peladang dapat menggandakan pendapatan mereka bagi setiap satu hektar ladang padi.

"Kita tidak melarang peladang untuk menanam Padi Laila akan tetapi secara alaminya, peladang akan memilih untuk menanam jenis padi yang berhasil lebih tinggi bagi meningkatkan hasil dan pendapatan atau keuntungan mereka," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakan, pada tahun 2017 hasil padi bagi Daerah Brunei Muara adalah

sebanyak 2,350 tan metrik. Ini dijangka meningkat kepada 3,000 tan metrik pada 2018 / 2019 dan meningkat lagi kepada 4,000 pada 2020.

"Jika semua peladang padi di Daerah Brunei Muara menanam Padi Hibrid berhasil tinggi dan mengusahakan kawasan penanaman secara sepenuhnya (*full utilisation*) maka hasil padi boleh meningkat kepada 6,000 tan menjelang 2020. Ini bererti tahap sara diri akan meningkat daripada lima peratus pada tahun 2017 kepada 11 peratus pada tahun 2020. Ini adalah anggaran kita secara konservatif," jelas Yang Berhormat.

Kementerian setentunya tidak akan berhenti berusaha untuk mendapat benih padi yang berhasil lebih tinggi lagi daripada hasil padi Sembada ini, iaitu sebagai usaha untuk meningkatkan tahap sara diri bekalan beras negara, dan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong ketika ditemu bual.

insyaaAllah mungkin di musim akan datang ini satu varieti padi yang berhasil lebih tinggi akan dapat diperkenalkan," ujar Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

BERAKAS, Isnin, 29 Oktober. - Pengawal Selia Sektor, Pegawai Persaingan dan Pegawai Perolehan digesa untuk mempelajari jenis-jenis isu persaingan yang mungkin timbul dalam sektor pembinaan serta cara-cara untuk mencegah perlakuan anti-persaingan yang boleh membawa kepada ketidakcekapan di dalam sektor dan kenaikan harga yang akan mempengaruhi perbelanjaan kerajaan, orang ramai dan ekonomi.

Perkara ini ditekankan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Sesi Perbincangan mengenai topik 'Menghalang Kelakuan Kartel Dalam Sektor Pembinaan Ke Arah Meningkatkan Pertumbuhan & Kebajikan Pengguna di Brunei Darussalam' yang berlangsung di Bilik Persidangan, Bangunan Kementerian Pembangunan, di sini.

Jelas Yang Berhormat, sektor pembinaan menyumbang kira-kira 2.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), jumlah ini kelihatan kecil, namun Sektor Pembinaan merupakan sektor yang mempunyai potensi bagi pertumbuhan yang besar berdasarkan peningkatan bilangan perniagaan berdaftar dalam Sektor

Pembinaan, keperluan projek infrastruktur awam dan peningkatan jumlah hartanah komersial yang sedang dibangunkan.

"Perbelanjaan kerajaan adalah dijangka berkurangan mengambil kira peranan sektor swasta yang meningkat. Kerajaan akan menggariskan pelbagai langkah untuk meningkatkan penyertaan pihak Swasta untuk menjadi enjin pembangunan. Proses perolehan akan menjadi lebih kompetitif dan Sistem Public-Private-Partnership (PPP) akan menguasai perolehan dalam sektor pembinaan," jelas Yang Berhormat lagi.

Dengan penubuhan Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam dan Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna pada Ogos tahun lepas untuk melaksana dan menguatkuasakan Perintah Persaingan 2015, pihak kerajaan adalah komited bagi menggalakkan kecekapan dan pembangunan ekonomi serta kebajikan pengguna, melalui larangan kelakuan anti-persaingan seperti kartel, penetapan harga, pengawalan bekalan dan penipuan bidaan, terang Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga mengongsikan bahawa sektor pembinaan telah mendapat perhatian Autoriti Persaingan, bukan sahaja di rantau ASEAN tetapi juga dalam kalangan ekonomi-ekonomi di bawah Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), dengan terdapatnya contoh-contoh kes anti-persaingan seperti penetapan harga bahan-bahan binaan dan kesalahan penipuan bidaan.

Kelakuan anti-persaingan tersebut didorong oleh ciri-ciri tertentu yang unik bagi sektor pembinaan, iaitu struktur pasaran, sifat bahan pembinaan yang lazimnya mempunyai jenis yang serupa (*homogeneous nature*), prosedur bidaan dan kerja-kerja sub-kontrak yang terlibat, jelas Yang Berhormat.

Dengan pelaksanaan kerja-kerja persediaan ke arah

penguatkuasaan larangan kartel dan kelakuan anti-persaingan, Yang Berhormat menekankan bahawa mempelajari cara-cara bagi mengurangkan dan menghalang kelakuan anti-persaingan adalah penting bagi Kementerian Pembangunan dan pegawai-pegawai relevan yang terlibat, memandangkan kelakuan anti-persaingan membawa kepada ketidakcekapan dan harga yang meningkat yang akan memberi kesan kepada belanjawan kerajaan, orang ramai dan ekonomi.

Mengambil kira peningkatan jumlah aktiviti perolehan yang melibatkan pelan instruktur bagi jangka panjang, Yang Berhormat juga berharap pegawai-pegawai perolehan akan mempelajari langkah-langkah bagi melancarkan proses perolehan yang kompetitif, dan menggalakkan persaingan terbuka dan efektif ke arah penggunaan sumber-sumber kerajaan yang lebih cekap.

Yang Berhormat seterusnya mengakhiri kata alu-aluan dengan menyatakan harapan agar lebih banyak kerjasama dapat dilaksanakan di antara Pengawal Selia Sektor Pembinaan, pihak Autoriti Persaingan dan pihak-pihak berkepentingan dalam sektor pembinaan, bagi menangani sebarang isu pasaran yang berpotensi untuk timbul dalam sektor pembinaan.

Sesi yang melibatkan para Pakar Persaingan dari Suruhanjaya Persaingan dan Pengguna Australia serta Universiti Melbourne tersebut diumumkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna, dengan kerjasama dari Kementerian Pembangunan.

Para Pakar Persaingan mengongsikan pengalaman dalam mengurangkan dan menghalang kelakuan anti-persaingan di Sektor Pembinaan, yang mana jika tidak ditangani, boleh menyumbang kepada harga yang meningkat dan pilihan yang terhad

Anti-persaingan bawa kesan kepada belanjawan pengguna, ekonomi

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

dan seterusnya memberi kesan kepada kesejahteraan pengguna, perbelanjaan kerajaan dan berpotensi untuk menjejaskan kedayatahan pertumbuhan sektor pembinaan dan ekonomi.

Turut hadir ialah Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny; Timbalan Menteri

Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha-setiausaha Tetap dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pembangunan; Ahli-ahli Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam; serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan, JPKE dan Pejabat Peguam Negara.

Sukarelawan belia diperlukan bagi FDB 2018

Siaran Akhbar : Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Tahun ini, menandakan tahun kedua Lembaga Pelancongan Brunei (LPB) dengan kerjasama beberapa pihak berkepentingan sebagai rakan strategik menganjurkan Festival Disember Brunei (FDB) 2018.

Pelbagai acara dan aktiviti yang menarik akan diadakan pada bulan Disember itu nanti, di mana lebih daripada 60 acara dirancang untuk sambutan bulan tersebut di keempat-empat daerah.

Acara dan aktiviti tersebut termasuklah Jalinan Kelupis Terpanjang; Pesta Sains 2018; Kejohanan Terbuka Karate Do Shitokai Brunei Darussalam; Perlumbaan Drone; Perlumbaan Powerboat Kawalan Radio Terbuka; Festival Dunia Nasyeed dan Pameran Seni, yang mana akan dinikmati oleh penduduk tempatan dan pelancong.

Tahun lepas, para penganjur acara disokong oleh lebih daripada 200 sukarelawan belia bagi memastikan kelancaran operasi dan logistik bagi semua

aktiviti perayaan. Begitu juga untuk tahun ini, FDB 2018 akan terus melibatkan para belia untuk menyertai semua aktiviti.

Sehubungan itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menggalakkan penyertaan para belia untuk menyertainya dengan mengembangkan minat dan semangat sukarelawan sambil mendapat pengalaman juga pengetahuan berharga sebagai sebahagian daripada acara utama di negara ini.

JKP juga mengalu-alukan semua sukarelawan belia yang berumur 15 hingga 40 tahun untuk mengambil bahagian dalam festival tahun ini.

Bagi mereka yang berminat untuk menjadi sukarelawan, borang pendaftaran boleh didapati dan dikembalikan ke KKBT, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada 15 November 2018 atau menghubungi melalui talian atau faksimile : +673 2221219 atau e-mel : kkbt.pb@gmail.com.

BSDSDP asas pembangunan kepimpinan sepanjang hayat

Brunei - Singapura kukuhkan ikatan ketenteraan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kanan) menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang peserta Program Pembangunan Sarjana Pertahanan Brunei - Singapura Ke-10, 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Oktober. - Fasa kedua dan terakhir Program Pembangunan Sarjana Pertahanan Brunei - Singapura Ke-10, 2018 (10th Brunei - Singapore Defence Scholars Development Programme - BSDSDP 2018) sampai ke penghujungnya dengan majlis penutup di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah selepas pengendalian pelajaran kepimpinan, aktiviti-aktiviti bagi memantapkan tahap kepimpinan dan sesi dialog selama dua minggu.

Fasa pertama tersebut dihoskan di Republik Singapura bermula dari 22 hingga 26 Oktober 2018, diikuti dengan fasa Brunei dari 26 hingga 30 Oktober 2018, yang melibatkan seramai 20 orang mahasiswa / mahasiswi, yang mana 10 orang mewakili Kementerian Pertahanan dari setiap negara.

Hadir pada majlis penutup tersebut selalu tetamu kehormat ialah Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan; pengarah-pengarah dari pelbagai kementerian, termasuk pemimpin belia dan pegawai bukan kerajaan.

Turut hadir para pegawai Negara Brunei Darussalam yang terdiri dari alumni peserta BSDSDP yang

terdahulu dan Setiausaha Tetap (Pertahanan) Kementerian Pertahanan Republik Singapura, Chan Yeng Kit dan disertai oleh Komandan SAFTI Military Institute (MI), Brigedier Jeneral Chua Boon Keat dan Head of Centre for Leadership Development (CLD) SAFTI MI, Kolonel Lim Lit Lam bagi mewakili Kementerian Pertahanan Republik Singapura.

Fasa Negara Brunei Darussalam merangkumi tiga sesi perkongsian, di mana para peserta berkongsi pengalaman dan pandangan mereka mengenai topik 'Challenges in Defence, Prospects for Cooperation', 'Roles of Young Leaders in Nation Building' dan 'Life after BSDSDP'.

Sejak BSDSDP bermula pada tahun 2007, ia merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura dalam menyumbang kepada perkembangan peribadi dan kerjaya profesional penerima-penerima biasiswa dari kedua-dua buah negara.

BSDSDP Ke-10 ini meraikan hubungan keakraban dan kerjasama di antara penerima-penerima biasiswa di dalam kedua negara, di mana program ini bertujuan bagi menyatukan ahli-ahli alumni BSDSDP untuk menyambung semula dan menyemai ikatan persahabatan yang telah dipupuk sebelum ini.

Sebagai ciri utama dalam hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, bidang pertahanan telah memainkan peranan penting di antara lain inisiatif keseluruhan kerajaan dalam membentuk pertalian dan kerjasama antara kedua-dua negara. BSDSDP adalah penting dalam membina asas hubungan persahabatan di peringkat rendah sebagai pelaburan sepanjang hayat bagi kedua-dua Kementerian Pertahanan.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Oktober. - Program Pembangunan Sarjana Pertahanan Brunei - Singapura (Brunei - Singapore Defence Scholars Development Program - BSDSDP) sejak ditubuhkan pada 2007 telah menjadi komponen penting dalam latihan dan pembangunan para Sarjana Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Program tersebut sebagai tambahan untuk menyediakan asas bagi pembangunan kepimpinan sepanjang hayat untuk para pemimpin masa depan, yang bertujuan mengukuhkan hubungan pertahanan antara kedua-dua negara serta memupuk penglibatan pemimpin masa depan.

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji

Mohd. Yussof berucap demikian pada Majlis Penutup BSDSDP Ke-10 di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bolkiah Garrison, di sini.

Jelasnya, program itu merupakan lanjutan hubungan silaturahim yang baik yang dikongsi dan dinikmati semua peringkat di Singapura dan Brunei.

Menurut Yang Berhormat, kedua-dua negara berkongsi hubungan yang istimewa sejak sekian lama, yang dilahirkan dan dibesarkan dari persahabatan yang erat antara pemimpin-pemimpin kita yang hebat dan dihormati, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Perdana Menteri Lee Kuan Yew.

Tambahnya, pemimpin kita telah lama mengenali bahawa Negara Brunei Darussalam dan Singapura



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa berucap pada Majlis Penutup BSDSDP Ke-10 di Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bolkiah Garrison.

mempunyai banyak persamaan dan melengkapi kekuatan dan kedua-dua belah pihak memupuk dan memperkuat hubungan selama ini.

Hubungan kedua-dua negara ini jelas Yang Berhormat, terus dinikmati dengan pertukaran lawatan yang kerap termasuk di peringkat tertinggi.

Brunei - Turki meterai Perjanjian Perkhidmatan Udara

ISTANBUL, REPUBLIK TURKI, Isnin 29 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Turki telah menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara di Istanbul, Republik Turki pada 28 Oktober 2018.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, manakala pihak Kerajaan Republik Turki ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan dan Infrastruktur, Republik Turki, Tuan Yang Terutama Mehmet Cahit Turhan.

Penandatanganan disaksikan oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, Tuan Yang Terutama Mohammad Shafiee bin Haji Kassim serta pegawai-pegawai dari Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam, Kedutaan Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki dan Kementerian Pengangkutan dan Infrastruktur, Republik Turki.

Penandatanganan perjanjian ini merupakan satu pencapaian di dalam perhubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Turki. Ia akan menambah baik kesalinghubungan udara serta membuka peluang-peluang kerjasama di antara syarikat-syarikat penerbangan yang ditetapkan dan destinasi di antara kedua-dua buah negara. Sebelum perjanjian perkhidmatan udara ini ditandatangani, kedua-dua buah negara telah terlebih dahulu memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) semasa menghadiri ICAO Air Services Negotiations (ICAN),



WAKIL Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (kanan) bertukar dokumen yang ditandatangani bersama Menteri Pengangkutan dan Infrastruktur, Republik Turki, Tuan Yang Terutama Mehmet Cahit Turhan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Perhubungan

di Antalya, Republik Turki pada tahun 2015.

Sebelum Majlis Penandatanganan tersebut, Yang Berhormat Menteri Perhubungan, telah mengadakan satu mesyuarat dua hala dengan rakan sejawat, Menteri Pengangkutan dan Infrastruktur, Republik Turki, Tuan Yang Terutama Mehmet Cahit Turhan. Mesyuarat turut dihadiri oleh TYT Mohammad Shafiee bin Haji Kassim serta para pegawai kanan dari Kementerian Perhubungan, Kedutaan Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, manakala bagi pihak Menteri Pengangkutan dan Infrastruktur Turki disertai oleh Timbalan Menteri Pengangkutan dan Infrastruktur dan Ketua Pengarah Penerbangan Awam Republik Turki, Dr. Omar Fatih Sayan.

Semasa mesyuarat tersebut, kedua-dua menteri berbincang mengenai peluang-peluang untuk mengeratkan lagi kerjasama

dalam bidang pengangkutan dan perhubungan, selain bertukar pandangan mengenai amalan terbaik dalam sektor penerbangan awam, maritim dan info-komunikasi.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib juga menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Lapangan Terbang baharu Istanbul bagi mewakili Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis perasmianya disempurnakan oleh Presiden Republik Turki, TYT Recep Tayyip Erdogan.

Lapangan Terbang baharu ini dijangka berupaya menghubungkan 300 destinasi seluruh dunia dan mampu menampung pergerakan sehingga 200 juta orang penumpang setahun.

Pembukaannya adalah bertepatan dengan Sambutan Hari Republik Turki Ke-95.

Beri harapan, sokongan berterusan kepada mangsa Strok

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Oktober. - Penyakit Strok atau Angin Ahmar adalah sejenis penyakit tidak berjangkit yang boleh dihadapi oleh sesiapa pun, ahli keluarga kita, sahabat kita, rakan sekerja kita atau seseorang yang kita kenali.

Setiap tahun, seluruh negara di dunia termasuk Negara Brunei Darussalam meneruskan usahanya dan perjuangannya dalam mengukuhkan tindakan-

tindakan pencegahan, rawatan dan pengawalan penyakit Strok atau Angin Ahmar juga dalam mengurangkan beban penyakit berkenaan.

Bagi memperingati perjuangan tersebut, Hari Strok Sedunia disambut setiap 29 Oktober dan tahun ini, tema Hari Strok Sedunia ialah 'Bangkit Semula Setelah Strok'.

Perkara ini dinyatakan dalam isi perutusan Menteri Kesihatan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar sempena Hari Strok Sedunia 2018.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya berkata, di mana serangan Strok boleh berlaku secara mengejut dan mengubah hidup kita dalam sekelip mata.

Tambah Yang Berhormat, apabila aliran darah ke otak terjejas, kerosakan kepada tisu otak boleh menyebabkan perubahan kekal seperti kelemahan pada lengan atau kaki,

hilang keseimbangan badan, kesukaran dalam pertuturan, masalah ingatan (Demensia) yang menyebabkan ketidakupayaan atau dalam kes yang lebih serius ia boleh membawa kepada kematian.

Di seluruh dunia ujar Yang Berhormat, Strok menyebabkan satu dalam sepuluh (1 dalam 10) jumlah kematian dan ia adalah punca kematian kedua tertinggi dalam kalangan orang yang berumur lebih daripada 60 tahun, dan di Negara Brunei Darussalam pula, penyakit Strok adalah penyebab kematian keempat tertinggi, dengan kira-kira sebanyak 143 kematian pada tahun 2017 dan kebanyakan daripada jumlah tersebut adalah dalam kalangan mereka yang berumur 65 tahun ke atas, manakala, lebih dari 300 kes Strok berlaku dalam setahun di negara ini dan ini bermakna sebanyak 300 orang dan keluarga mereka akan terganggu dan terjejas oleh Strok, tambahan lagi, kira-kira 78% daripada penghidap Strok ini adalah daripada kaum lelaki.

"Apa yang turut signifikan ialah beban ketidakupayaan (*disability*) yang disebabkan oleh serangan Strok yang memberi impak bukan sahaja kepada yang menghidapinya tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat yang terbabit. Menurut Pertubuhan Strok Sedunia (WSO), 80 juta orang di seluruh dunia adalah mangsa Strok yang terselamat (*survivors*) dan 50 juta orang daripada jumlah tersebut kini menempuh hidup dengan ketidakupayaan ataupun *disability* yang kekal. Bahkan, Strok adalah penyebab utama ketidakupayaan di seluruh dunia.

"Oleh yang demikian, saya menggesa kita semua untuk memberi harapan dan sokongan berterusan kepada yang terjejas, termasuk ahli keluarga untuk mendapatkan bantuan dalam penjaagaan dan pemulihan yang terbaik kepada mangsa Strok, termasuklah dalam aspek pengintegrasian semula dalam masyarakat seperti kembali ke tempat kerja atau mengamalkan aktiviti harian mereka tanpa mengira sebarang ketidakupayaan," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, pada hakikatnya, Strok boleh dicegah dan faktor-faktor risiko Strok seperti tekanan darah yang tidak terkawal, kolesterol tinggi, diabetes, obesiti dan merokok semuanya boleh dicegah dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat dan menjalani rawatan yang berkesan, manakala, menangkap atau menyedari dengan pantas tanda-tanda Strok serta bertindak terus menghadiri ke Jabatan Kecemasan di mana-mana hospital boleh membuat perbezaan yang besar dari segi pemulihan dan kesan Strok kepada mangsa.

Maka dengan itu, ujar Yang Berhormat, adalah penting bagi kita semua mengenali tanda-tanda Strok dengan PANTAS (atau BE FAST) :

- **PERGERAKAN** : Tiba-tiba hilang keseimbangan atau koordinasi badan. (**BALANCE** : *Sudden loss of balance or coordination*).

- **ADA KESULITAN MELIHAT** : Perubahan penglihatan secara tiba-tiba, seperti penglihatan berganda atau buta pada sebelah mata. (**EYE** : *Double vision or loss of vision in one eye*).

- **NAMPAK WAJAH**



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

MENJEBEK : Menjebek atau rasa kebas pada sebelah muka yang menyebabkan senyuman tidak seimbang. (**FACE** : *Face drooping or weakness on one side*).

- **TANGAN KEBAS** : Kelemahan pada satu tangan, dan seperti tidak dapat mengangkat kedua-dua tangan. (**ARM** : *Sudden weakness of an arm, and as if having difficulty to raise both arms*).

- **AMAT SUKAR BERCAKAP** : Ucapan tidak jelas atau ucapan yang sukar untuk difahami. (**SPEECH** : *Trouble speaking or understanding*).

- **SEGERA DAPATKAN BANTUAN** : Dapatkan rawatan dengan segera di Jabatan Kecemasan dengan menghubungi 991, walaupun tanda-tanda seolah-olah hilang. (**TIME** : *Act quickly to go to the Emergency Department by calling 991, even if the signs appear to cease*).

"Dengan pemberian rawatan seawal-awalnya dan mendapatkan jenis penjaagaan yang bersesuaian, kita mampu mengurangkan risiko Strok. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang sudah terjejas oleh Strok, dengan penjaagaan yang betul - digabung dengan keinginan yang kuat untuk bertahan dan untuk bangkit semula - ia boleh memberikan perbezaan yang besar pada kesihatan keseluruhan dan sememangnya tidaklah mustahil bagi mereka untuk #BangkitSemulaSetelahStrok," jelas Yang Berhormat.

Pada Hari Strok Sedunia ini, tambah Yang Berhormat, marilah kita sama-sama memberi tumpuan kepada perkara yang menyatukan para mangsa dan penjaga mangsa Strok, iaitu daya tahan, keupayaan dan keazaman mereka yang kuat untuk meneruskan perjalanan ke arah pemulihan demi menuju kehidupan harian yang penuh makna selepas mengalami Strok.

"Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan lain seperti Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre, Pantai Jerudong Specialist Centre pula akan terus memberi tumpuan kepada strategi-strategi untuk mencegah, merawat dan mengawal Strok. Dengan itu, kami meneguhkan komitmen kami untuk terus mewujudkan kesedaran mengenai penyakit Strok bagi mengurangkan bebanan penyakit ini. Tidak dinafikan bahawa cara yang paling berkesan untuk menangani Strok adalah dengan mengamalkan dan memperlakukan gaya hidup yang sihat, di samping mendapatkan rawatan tepat pada masanya.

"Pengesanan dan rawatan awal boleh menyelamatkan nyawa. Akhirnya, marilah kita sama-sama menjadikan kehidupan orang-orang di sekeliling kita, khususnya yang terjejas dengan Strok lebih baik dan berganding bahu dalam membantu pesakit Strok #BangkitSemulaSetelahStrok," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Skim Galakan Khatam Al-Quran wasilah sokong hasrat Kebawah DYMM



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa menyampaikan hadiah dan sijil kepada salah seorang pemenang dan peserta Skim Galakan Khatam Al-Quran.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Oktober. - Negara Brunei Darussalam mewajibkan pembelajaran mata pelajaran Al-Quran bagi semua murid dan pelajar dalam persekolahan agama, yang mana salah satu objektif Penubuhan Sekolah Ugama di negara ini adalah untuk memastikan umat Islam, terutamanya para murid fasih dan lancar membaca Al-Quran.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa Majlis Penyampaian Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-murid di bawah Umur 10 Tahun bagi Sekolah-sekolah Ugama dan Arab Ke-27 Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi, bertempat di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Menyentuh mengenai skim tersebut, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom berkata ia merupakan satu wasilah menyokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan keberkesanan mata pelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah agama.

"Pada hemat peramba / saya, hasrat murni melalui Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-murid di bawah Umur 10 Tahun ini hendaklah berterusan, tanpa mengira jerih dan payah dalam memberi tunjuk ajar kepada anak-anak. Guru-guru agama yang ditugaskan

untuk mengajar Al-Quran kepada semua lapisan masyarakat; tugas mereka ini adalah tugas yang sangat mulia dan jika diniatkan untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, maka ia adalah satu ibadat. Sebagai masyarakat hendaklah sama-sama berusaha dan bekerjasama bagi melahirkan generasi Islam yang celik Al-Quran yang beriman dan bertakwa," ujarinya lagi.

Menurutnya dalam usaha ke arah memperkasakan dan memartabatkan pendidikan Al-Quran di negara ini, maka adalah perlu semua pihak yang berkepentingan memainkan peranan mereka masing-masing, antaranya institusi keluarga, sekolah, masjid, media massa dan masyarakat kerana mereka semua mempunyai peranan untuk menjadikan pembacaan Al-Quran itu sebagai satu yang lazim dan satu budaya kerana pembudayaan inilah yang akan sedikit demi sedikit menggerakkan hati kita untuk sentiasa bersama Al-Quran.

Jabatan Pengajian Islam (JPI) tegasnya, perlu meneliti atau mereview bagi melihat kaedah dan cara yang berkesan pada meningkatkan lagi keberhasilan skim tersebut agar dapat meraih manfaat dan faedah yang lebih besar daripadanya.

"Kepada ibu bapa dan penjaga murid yang diraikan, peramba / saya mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kerana anak-anak abiskita telah berjaya mengkhataamkan pembacaan Al-Quran mereka dengan baik dan sudah setentunya abiskita berasa gembira dan ia

merupakan satu pelaburan yang memberikan keuntungan di dunia dan di akhirat kelak. Perkara ini perlu diteruskan dan perlu ada kesinambungan dari kejayaan ini agar anak-anak abiskita, para murid didedahkan kepada disiplin ilmu yang lain, khususnya dalam bidang Al-Quran seperti menghafaz Al-Quran dan Taranum Al-Quran," jelasnya lagi.

Pada majlis tersebut, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan hadiah-hadiah dan sijil-sijil kepada para pemenang dan peserta Skim Galakan Khatam Al-Quran.

Seramai 43 peserta menerima hadiah skim tersebut daripada 165 peserta yang berdaftar mengikutnya dan hanya tiga peserta berjaya mendapat penilaian Sangat Baik dalam Ujian Tasmik Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-murid di bawah Umur 10 Tahun Peringkat Akhir Negara Ke-27 Tahun.

Tempat pertama dimenangi oleh Dayang Siti Nuraqilah binti Haji Jahari dari Sekolah Ugama (SU) Batu Marang; manakala Awang Muhammad Ihtifazhuddin bin Suhaili dari SU Pengiran Anak Puteri (PAP) Mutawakilliah Hayatul Bolkih di tempat kedua dan tempat ketiga disandang oleh Dayang Afza Masturina binti Haji Abdul Lamit dari SU Rimba II.

Sementara itu, SU PAP Mutawakilliah Hayatul Bolkih dianugerahkan Sekolah Terbaik dalam Ujian Tasmik Skim Galakan Khatam Al-Quran Murid-Murid di bawah Umur 10 Tahun Peringkat Akhir Negara Ke-27 Tahun.

Skim tersebut merupakan satu program yang diunkayahkan oleh JPI melalui Bahagian Kokurikulum, yang mana telah mula diperkenalkan pada tahun 1991 dan dilaksanakan setiap tahun.

Tujuan skim tersebut diadakan ialah untuk mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan pengajaran Al-Quran di sekolah-sekolah agama dan arab di seluruh negara yang dihasratkan akan melahirkan generasi Brunei yang celik Al-Quran dalam kalangan pelajar dari peringkat umur muda, di samping menggalakkan murid-murid untuk mempelajari Al-Quran dari peringkat usia muda.

Selain itu, ia juga sebagai dorongan kepada murid-murid supaya mengkhataamkan bacaan 30 juz Al-Quran dengan baik sebelum mencapai umur 10 tahun dan menjadikan budaya membaca Al-Quran sebagai amalan berterusan sepanjang hayat.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI
DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH IKLAN : 31 OKTOBER 2018. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 NOVEMBER 2018. BILANGAN IKLAN : 83 / 2018 (SPA / BIKL)

PERATURAN 7 (a) - LUAR BIDANG

Syarat-Syarat Am :

A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

C) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

D) Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. TIMBALAN PENDAKWA SYARIE
BAHAGIAN PENDAKWAAN SYARIE
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
B.2 EB.3 (BND2,270 - BND4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM :

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perundangan Islam / LLB (Syariah) / LLB dan Barrister-at-Law atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang tersebut di atas adalah kelebihan.

2. Mempunyai latihan profesional atau sebanding dalam bidang Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Pembantu kepada Pendakwa Syarie.
2. Menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang ditentukan dalam undang-undang yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa sebagaimana huraian berikut :
 - a. Bertindak di bawah pengawasan dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dalam memulakan (*institute*) dan menjalankan (*conduct*) atau tidak meneruskan (*discontinue*) sesuatu prosiding di dalam Mahkamah Syariah.
 - b. Menyemak dan meneliti fail-fail penyiasatan yang dihadapkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Agama bagi menentukan, sama ada boleh dijalankan tindakan pendakwaan atau sebaliknya.
 - c. Menjalankan pendakwaan di Mahkamah-mahkamah Rendah Syariah seluruh Negara.
 - d. Menyediakan rangka tuduhan.
 - e. Membawa dan membincangkan kes-kes yang kompleks dalam Mesyuarat Penelitian Kes Bahagian Pendakwaan Syarie.
3. Lain-lain tugas seperti yang diatitkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

PERINGATAN :

1. Bagi iklan jawatan bilangan I adalah dipelawa kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.
2. Tarikh Iklan : **31 OKTOBER 2018**
3. Tarikh Tutup : **14 NOVEMBER 2018**
4. Tempat menghantar borang permohonan :

**UNIT PENGAMBILAN KAKITANGAN, TINGKAT 3
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
JALAN DEWAN MAJLIS, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

PEMBERITAHUAN :

1. Penggunaan Borang SPA / 1

a) Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA / 1.

b) Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA / 1 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.

c) Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA / 1 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.

d) Borang SPA / 1 boleh didapati di laman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik 'Muat Turun' kemudian pilih Borang SPA / 1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.

e) Sijil-sijil akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA / 1 untuk pengesahan.

f) Pemohon hendaklah menyertakan dua keping gambar terkini berukuran passport.

2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **kerajaan**).

3. Permohonan yang lewat **tidak akan dilayan**.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

**MAKLUMAN PEMBATALAN IKLAN
DI JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

BIL	JAWATAN	TANGGAGAJI	KEKOSONGAN	PERATURAN	TARIKH IKLAN
1	PEMBANTU PROSES	D.1-2 EB.3	1	7(a)	09 APRIL 2018 – 24 APRIL 2018

Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan tersebut di atas adalah dibatalkan oleh sebab-sebab yang tertentu

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan **Announcement** di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:
TALIAN DARUSSALAM 123



BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

BND10.00 (tidak dikembalikan)

(1)
BILANGAN SEBUT HARGA :
18 / OKTOBER / 2018 / BKBN / 1.40 / 18

TAJUK SEBUT HARGA :
**KONTRAK PENGGAL EMPAT (4)
BULAN PENYEWAAN MESIN
FOTOKOPI BAGI PENGGUNAAN
DI KEM LATIHAN PROGRAM
KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN),
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tarikh tutup sebut harga :
**Khamis, 8 November 2018
jam 2.00 Petang**

Tarikh akhir mengambil
dokumen sebut harga :
Rabu, 7 November 2018, jam 11.00 Pagi
Yuran sebut harga :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

(2)
BILANGAN SEBUT HARGA :
19 / OKTOBER / 2018 / BKBN / 1.40 / 18

TAJUK SEBUT HARGA :
**KONTRAK PENGGAL SATU (1)
TAHUN PENYEWAAN MESIN
FOTOKOPI BAGI PENGGUNAAN IBU
PEJABAT BAHAGIAN KHIDMAT
BAKTI NEGARA (BKBN),
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tarikh tutup sebut harga :
**Khamis, 8 November 2018
jam 2.00 Petang**

Tarikh akhir mengambil
dokumen sebut harga :
Rabu, 7 November 2018, jam 11.00 Pagi

Yuran sebut harga :

Penerangan lanjut boleh dirujuk ke :
Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN)
di talian +673 2340045
Ibu Pejabat BKBN
Blok 18, Simpang 32-15
Flat Anggrek Desa
Jalan Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam.

1. SEBUT HARGA dibukakan kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen sebut harga boleh diperoleh dari Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja.

3. Penerangan lanjut boleh dirujuk ke Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN) semasa waktu bekerja di talian +673 2340045, bertempat di Ibu pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Blok 18, Simpang 32-15, Flat Anggrek Desa, Jalan Berakas, BB3713, Negara Brunei Darussalam.

4. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebut harga serta tarikh tutup sebut harga tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.

5. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga (berwarna hijau) yang disediakan di Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu, (depan kaunter sekuriti), Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam (Peti sebut harga berwarna hijau)

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh daripada para pegawai seperti yang dinyatakan di atas.


**JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
KENYATAAN TAWARAN

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Kadar bayaran dokumen sebut harga adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan sebut harga. Setiap penender hendaklah membayar borang dokumen sebut harga di **Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.** Sila pastikan resit pembayaran borang dokumen sebut harga yang diterima adalah betul.

3. Borang-borang sebut harga dan penerangan lanjut boleh diperolehi di **Tingkat 9 Blok 2J, Unit Peruntukan dan Perbekalan Jabatan Sekolah-Sekolah, Bangunan Kondominium Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei Darussalam** pada hari dan waktu bekerja.

4. Sebut Harga-sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan sebut harga, tajuk sebut harga dan tarikh tutup sebut harga tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga**

**Jabatan Sekolah-Sekolah
Kementerian Pendidikan
Bangunan Kondominium
Jalan Ong Sum Ping
Tingkat 9, Blok 2J
Unit Peruntukan dan Perbekalan
Negara Brunei Darussalam.**

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

**BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / UPP / JKSH / SR / JAMUAN /
10 / 2018-2019**

**KETERANGAN :
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL
DAN MENYEDIAKAN JAMUAN BAGI
MAJLIS PERSIDANGAN HARI GURU
SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU
KE-28, KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
BAGI SETIAP SEBUT HARGA :
BND5.00 [Bayaran dokumen sebut harga
tidak dikembalikan]**

**Tarikh dibukakan :
29 Oktober 2018**

**Tarikh tutup :
7 November 2018
[tidak lewat jam 2.00 Petang]**


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
**DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION
MINISTRY OF COMMUNICATIONS
BRUNEI DARUSSALAM**

1. THE following tender is opened for interested participants.

Name :

**TO DEVELOP AND OPERATE A
FOREIGN CURRENCY EXCHANGE
OUTLET AT THE ARRIVAL HALL
'MEETERS & GREETERS'
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**

Reference :
DCA / MKG / 2018 / S2

Document can be purchased at :
**Finance Section
Ground Floor
Department Of Civil Aviation
Brunei Darussalam**

Note :

Open :
**Monday to Thursday and Saturday
Time :
8.30 Am - 11.00 Am
2.00 Pm - 3.00 Pm**

a) Proponents must wear appropriate attire.
b) Proponents must bring along valid IC or passport.

Document fee :
BND5.00 Only (Non-Returnable)
Opening date :
Monday, 29th October 2018
Information day :
Saturday, 3rd November 2018
Closing date :
**Wednesday, 14th November 2018
2.00 Pm**
Submission to :
**Chairman of Quotation Committee
Department of Civil Aviation**

**Ministry of Communications
Negara Brunei Darussalam
(DCA Quotation Box
@ DCA Headquarter)**

2. Participants must submit all documents required that are stated in this tender document.

3. Participants must comply with all regulations, terms and conditions stipulated in Authority Monetary Brunei Darussalam.

4. Participants must have approval offer letter from Authority Monetary Brunei Darussalam to operate at Arrival Hall, Brunei International Airport.

5. Tenders should be submitted by in a plain sealed envelope, bearing no indication of the name or logo of the tenderer, marked :

Name :
**TO DEVELOP AND OPERATE A
FOREIGN CURRENCY EXCHANGE
OUTLET AT THE ARRIVAL HALL
'MEETERS & GREETERS'
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**

Reference :
DCA / MKG / 2018 / S2

Closing date :
**Wednesday, 14th November 2018
2.00 Pm**

Address :
**Chairman of Quotation Committee
Department of Civil Aviation
Ministry of Communications
Negara Brunei Darussalam
(DCA Quotation Box
@ DCA Headquarter)**

5. The government of Brunei Darussalam does not bind itself to accept the highest / lowest or any tender. The precedence in the evaluation will be based on that company's reputation, image, quality of services to be offered, experience and fulfillment of the tender requirements.


MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG
**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, TUTONG**

**SURAT KUASA PUSAKA :
T / LA / 39 / 2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **KOH CHIN YONG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **KOH SENG HOI** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TUTONG** pada

3 NOVEMBER 2018, jam 9.00 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 23 Oktober 2018.

**DK. NORAFIDAH
BINTI PG. HAJI BUNGSU
B/P. TIMBALAN
PEGAWAI WARIS TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI
DALAM KELAS : IV, V & VI SAHAJA
KATEGORI : KA 01 SAHAJA
- (KOD BAHARU)**

**Tarikh akhir mengambil dokumen
tawaran pada :
Selasa, 13 November 2018**

**Tarikh Tutup :
Selasa, 27 November 2018
jam 2.00 Petang**

**BILANGAN :
JKR / DBSKB 008 / 2018**

**Nama Projek :
MENANGANI BENCANA ALAM DAN
WABAK PENYAKIT BERJANGKIT
- SUNGAI LUMUT DAN SUNGAI
LIANG**

No. Projek : 2018ADKB / KEW - 05

**YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.


KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :
JPPK / LTN / 40 / 2018
FIVE (5) YEARS TERM CONTRACT
FOR THE FACILITY MANAGEMENT
& MAINTENANCE OF SUNGAI AKAR
CAMP & ASSOCIATED FACILITIES,
GURKHA RESERVE UNIT,
MINISTRY OF DEFENCE**

**BAYARAN TAWARAN :
BND1,000.00 - Yuran Tawaran
(Tidak dikembalikan)
BND5.00 - E- dokumen
(Tidak dikembalikan)
Jumlah : BND1,005.00**

**DOKUMEN 'SCHEDULE OF RATES'
(VOL 1 & 2) :
BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)
(Tidak dikembalikan)**

**KELAS :
V & KE ATAS**

**KATEGORI :
KA01 & B01**

**TEMPOH PENYIAPAN :
LIMA (5) TAHUN**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
JUMAAT, 16 NOVEMBER 2018
(JAM 10.30 PAGI)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 27 NOVEMBER 2018
(TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)**

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam. Dokumen-dokumen tawaran dan *Schedule of Rates* bolehlah diperolehi dari Tingkat 1, Block D, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Penender adalah dikehendaki untuk membawa cap rasmi syarikat (*company stamp*) ketika mengambil dokumen tawaran.


**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

PENENDER-penender adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi kerja berikut :

008 / HQ / 2018 - S (019 / LOG / 2018 - S)

**TO SUPPLY AND DELIVER
INSTALLATION EQUIPMENT AND
ACCESSORIES FOR COMMUNICATION
DIVISION, LOGISTIC DEPARTMENT,
ROYAL BRUNEI POLICE FORCE**

Dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong pada waktu bekerja, iaitu Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang

hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu** dari **jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi.**

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong tidak lewat jam **10.00 Pagi, Isnin, 26 November 2018.**

Tarikh terakhir mengambil borang tawaran adalah pada **Rabu, 21 November 2018.**
**Peti Sebut Harga
Pasukan Polis Diraja Brunei
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTN / 20 / 2017 (C)
MAINTENANCE OF GOLF COURSE
AT BERAKAS GARRISON,
ROYAL BRUNEI ARMED FORCES,
MINISTRY OF DEFENCE

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : II dan KE ATAS
KATEGORI : KA 04, KPB 12 dan S 03

TEMPOH PENYIAPAN :
DUA BELAS (12) BULAN

TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
SELASA, 30 OKTOBER 2018
(TIDAK LEWAT JAM 4.30 PETANG)

TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 6 NOVEMBER 2018
(TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERKELAYAKAN DAN
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
I, II & III SAHAJA
KATEGORI :
[KPB02 & KPB 11 SAHAJA]
- (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
6 NOVEMBER 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP :
13 NOVEMBER 2018 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DTS / 34 / STE / 2018 - T / II
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
KEROSAKAN STRUKTUR DAN
LAPISAN KALIS AIR

DI BANGUNAN SEKOLAH
MENENGAH PENGIRAN ISTERI
HAJAH MARIAM, SERASA
NO. PROJEK :
JKR / DTS / DEPT / 50 / 2018

YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATANJUALAN HARTA BENDA
KERAJAAN

SEBUT HARGA BAGI 119 UNIT
PERALATAN / BARANGAN
PERGIGIAN DI BAHAGIAN
TEKNOLOGI PENJAGAAN
KESIHATAN, PUSAT PERGIGIAN
NEGARA BERAKAS, JABATAN
PERKHIDMATAN PERGIGIAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN

Keterangan Peralatan / Perabot Pejabat :

- 1) 12 unit Belmont Palm7 Dental Chair
- 2) 4 unit Belmont Clesta Dental Chair
- 3) 1 unit Belmont Compo 360 Dental Chair
- 4) 6 unit ADEC performer III Dental Chair
- 5) 1 unit Yoshida Vista Dental Chair
- 6) 1 unit 3M-VISLUX-2 VISILUX-2 Light cure unit
- 7) 1 unit Bego Easymix Vacuum mixer
- 8) 1 unit Bego Eltropil Electrol Polishing unit
- 9) 1 unit Bego Fornax T casting Machine
- 10) 1 unit Capsule Mixer HSM2 Amalgamator
- 11) 1 unit Degussa Lab Equipment Electrolysis unit
- 12) 1 unit Degussa Multivac 4 Vacuum mixer
- 13) 1 unit Degussa Multivac API Vacuum mixer
- 14) 2 unit Denstply 470 LITE Light Cure unit
- 15) 1 unit Denstply 110B-300Hz Scaler (Portable)
- 16) 8 unit Denstply Caulk The Max Light Cure unit
- 17) 6 unit Denstply Cavitron 3000 Portable Scaler
- 18) 10 unit Denstply Cavitron Bobcat Portable Scaler
- 19) 2 Unit Denstply Cavitron Bobcat Pro Portable scaler
- 20) 3 Unit Denstply Promix Amalgamator
- 21) 2 Unit Denstply QHL 75 Light Cure Unit
- 22) 2 Unit Denstply Queting Amalgamator
- 23) 5 Unit Denstply Spectrum Light Cure Unit
- 24) 1 Unit Denstply Technika Mотор Unit
- 25) 1 Unit Denstply Varimix III Amalgamator
- 26) 1 Unit Hareaus Combilator Clg Casting Machine
- 27) 2 Unit Hatari Ha 1271 Air Cleaner
- 28) 1 Unit HSM2 Capsule Mixer Amalgamator
- 29) 1 Unit Kavo 4950 (K10) Micromotor Unit
- 30) 1 Unit Kavo 5702 Preheating Furnace

- 31) 1 Unit Kavo EWL 5518 Boil Out Unit
- 32) 2 Unit Kavo Ewl Suction Motor
- 33) 15 Unit Kavo Ewl Workbench Dust Extractor
- 34) 1 Unit Kavo Fume Extractor Cabinet
- 35) 2 Unit Kavo K9 Micromotor Control Unit
- 36) 1 Unit Kavo K9 Micromotor Unit
- 37) 2 Unit Kavo Micromotor Unit
- 38) 1 Unit MGE SM12 Portable Suction Unit
- 39) 1 Unit Midori water Distiller
- 40) 1 Unit Neosono Apex Locator
- 41) 1 Unit Nikon Scale
- 42) 3 Unit Purwa Water Distiller
- 43) 1 Unit Renfert Suction Pump
- 44) 1 Unit SDI Ultramat 2 Amalgamator
- 45) 1 Unit Sultan Prosonoc 600 Ultrasonic Cleaner
- 46) 1 Unit Technitea III / Dentsply Technitea III Surgical Unit
- 47) 1 Unit Vivadent Heliolux 11 Light Cure Unit
- 48) 1 Unit Vivadent Silamat Amalgamator
- 49) 1 Unit Whaledent Ultrasonic Cleaner

Tempat mengambil borang sebut harga di :
Kaunter, Unit Kewangan
Blok B, Tingkat 1,
Pusat Pergigian Negara,
Jabatan Perkhidmatan Pergigian
Kementerian Kesihatan
Jalan Lapangan Terbang Lama
Berakas, BB3510

Tarikh terakhir mengambil
borang sebut harga pada :
Khamis, 8 November 2018
sebelum jam 11.00 Pagi

Tarikh tutup menghantar
borang sebut harga pada :
Sabtu, 10 November 2018
sebelum jam 12.00 Tengah Hari

Tempat dan tarikh melihat barangan /
peralatan pada :
Banglo No. 5
(Kawasan Perkhidmatan Psikiatri)
Simpang 253-79
Kampung Kiarong, Gadong
Negara Brunei Darussalam
Sabtu, 3 November 2018
Jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 4.00 petang

MAKLUMAT lanjut mengenai syarat-syarat dan peralatan / perabot pejabat, lokasi-lokasi dan borang sebut harga, sila berhubung dengan Abdul Azim bin Hj. Bayong, Juruteknik Pembaikan dan Pemeliharaan (Pergigian) di talian +673 8816513 atau Haji Sulaiman bin Haji Mohamed, Penyelenggara Stor, di talian +673 7164111.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

BIL. SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / JKS / 10 / 2018 - 2019

KETERANGAN :
MEMBEKAL, MENYEDIAKAN DAN
MENGEMAS JAMUAN MAJLIS
KHATAM AL-QURAN BAGI MURID
TAHUN 6, SEKOLAH PERSEDIAAN
ARAB, BANDAR SERI BEGAWAN,
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA, TAHUN 1439H - 1440H /
2018M - 2019M

BAYARAN YURAN TAWARAN :
Tidak dikenakan sebarang bayaran

SYARAT-SYARAT, PANDUAN
DAN MAKLUMAT :

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dan terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** serta **CAP SYARIKAT** semasa mengambil borang sebut harga.
3. Borang sebut harga bolehlah diperoleh di : **Jabatan Pengajian Islam**

Bahagian Kewangan

Tingkat 4, Blok 2 I, Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan, BA1311
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

4. Borang sebut harga serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) dan hendaklah ditulis dengan jelas tajuk sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti syarikat dan dimasukkan kedalam PETI SEBUT HARGA yang ditujukan kepada :

PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
TINGKAT 1, BAHAGIAN KEWANGAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
JALAN MENTERI BESAR, BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup tidak lewat pada :
Rabu, 29 Safar 1440H / 7 November 2018M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.

5. **TARIKH AKHIR MENGAMBIL**
BORANG SEBUT HARGA ADALAH
PADA : Selasa, 28 Safar 1440H /
6 November 2018M

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan syarat dan maklumat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DI BUKA KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DALAM KELAS : II KATEGORI : KPB 04 SAHAJA

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran :
5 November 2018 (Isnin)

Tarikh tutup :
6 November 2018 (Selasa)

Bil. Tawaran :
KHEDN / LTK / 2018 - 03

Tajuk Projek :
REVITALISASI KG. AYER - KERJA-KERJA PEMBAIKAN KEPADA
BLOK C & D, RUMAH PANGSA PUTERI-PUTERI DAN BLOK F,
RUMAH PANGSA SURI SERI BEGAWAN, BANDAR SERI BEGAWAN
(WATER WORKS)
BIL : KHEDN / LTK / 2018 - 02

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / 1115-004-02

Yuran Tawaran : BND30.00
(tidak dikembalikan).

Sembahyang Qadha bagi orang yang bermusafir : Bolehkah diqashar?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

KELUARAN PERTAMA

berkata : "Bukankah manusia itu sudah berada dalam keadaan aman?" Sayyidina 'Umar bin al-Khaththab Radiallahuanhu menjawab bahawa beliau pun pernah berasa hairan sepertimana Ya'la bin Umayyah Radiallahuanhu berasa hairan. Lalu beliau telah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenainya, lalu Baginda bersabda :

Maksudnya : "(Sembahyang Qashar dalam keadaan yang aman itu adalah) sedekah yang dengannya Allah telah sedekahkan (berikan) ke atas kamu, maka terimalah oleh kamu sedekah-Nya."

(Hadis riwayat Muslim)
Hadis ini menunjukkan bahawa mengqasharkan sembahyang itu bukanlah dikhususkan kepada keadaan takut disebabkan perang sahaja, bahkan ia juga boleh dilakukan dalam keadaan yang aman.

Syarat-Syarat Qashar Sembahyang

Diharuskan orang yang dalam pelayaran itu mengqasharkan sembahyang dengan syarat-syarat tertentu, seperti berikut :

i. Hendaklah jarak perjalanan pergi belayar itu (tidak termasuk jarak balik dari pelayaran), tidak kurang dari dua marhalah iaitu 91 kilometer atau 56 batu.

ii. Hendaklah pada permulaan perjalanan itu berniat hendak membuat pelayaran menuju ke destinasi yang diketahui serta menetapkan azam tanpa ragu-ragu untuk berjalan dalam jarak jauh tidak kurang daripada dua marhalah iaitu 91 kilometer atau 56 batu.

iii. Perjalanan itu hendaklah atas tujuan yang diharuskan oleh syarak dan bukan atas tujuan untuk mengerjakan perkara-perkara yang diharamkan atau maksiat.

iv. Jangan mengikut imam yang tidak diketahui kedudukannya, sama ada imam itu musafir, berniat Sembahyang Qashar

ataupun tidak. Jika seorang musafir itu mengikut Imam musafir yang mengerjakan sembahyang dengan tidak mengqasharkannya, hendaklah dia juga menyempurnakan rakaat sembahyangnya yakni tidak diqasharkan.

v. Hendaklah berniat Sembahyang Qashar ketika Takbiratul ihram.

vi. Hendaklah dipelihara niat Qashar itu supaya jangan berubah-ubah atau ragu-ragu. Jikalau niatnya itu berubah-ubah ataupun merasa ragu-ragu, maka hendaklah dikerjakan sembahyang tersebut secara sempurna yakni empat rakaat.

vii. Hendaklah orang yang musafir itu mengetahui dengan yakin bahawa dia masih kekal dalam pelayaran ketika dia mengerjakan Sembahyang Qashar itu.

viii. Hendaklah orang yang musafir itu mengetahui akan hukum harus baginya mengqashar sembahyang. Jika dia mengqashar sembahyang tanpa mengetahui akan ketetapan hukum tersebut, maka tidak sah sembahyangnya itu kerana dia beramal tanpa ilmu.


Sembahyang Apa Yang Tidak Boleh Diqasharkan?

Sembahyang yang tidak boleh diqasharkan pula adalah seperti berikut :

a) Sembahyang Subuh dan Maghrib tidak boleh diqasharkan dengan ijma'. Ini adalah kerana jika Sembahyang Subuh diqasharkan, bilangan rakaatnya menjadi tidak genap, maka sembahyang itu akan menjadi tidak relevan jika hanya dikerjakan pada satu rakaat.

Begitu juga dengan Sembahyang Maghrib, ia tidak dapat diqasharkan menjadi dua rakaat kerana Maghrib itu bilangan rakaatnya adalah ganjil, dan tidak juga kepada satu rakaat kerana yang demikian itu menjadikannya terkeluar daripada kelompok sembahyang fardu.

b) Jika sembahyang yang dilakukan adalah Sembahyang Nazar, iaitu bagi



sesiapa yang telah bernazar untuk bersembahyang empat rakaat, maka dia tidak boleh mengqasharkan sembahyang nazarnya itu jika dia melakukannya dalam pelayaran.

c) Jika sembahyang yang dilakukan adalah sembahyang sunat empat rakaat, seperti empat rakaat sebelum Asar, sembahyang tersebut tidak boleh diqasharkan kepada dua rakaat kerana tidak ada nash yang membolehkannya.

d) Sembahyang yang tidak memenuhi syarat qashar adalah tidak boleh diqasharkan, seperti pelayaran yang tidak sampai dua marhalah dan sebagainya.

Adapun sembahyang fardu yang diqadha dalam pelayaran, yang tidak dilakukan pada waktunya adalah sunat disegerakan jika ia ditinggalkan dengan tidak senhaja kerana uzur seperti tidur yang bukan disenghajakan atau lupa disebabkan kesibukan pelayaran. Adapun jika sembahyang itu ditinggalkan dengan senhaja atau tanpa uzur, maka wajib disegerakan qadhanya itu.

BERSAMBUNG

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

Adab bergaul di dalam Islam

kita sejak kecil lagi. Oleh itu taati dan hormatilah keduanya kerana menderhaka kepada keduanya itu adalah berdosa besar. Agama Islam agama suci dan mulia, menggalakkan kita berbuat baik, hormat-menghormati, taat mentaati dan sayang menyayangi antara satu sama lain. Oleh itu bagi mereka yang berbuat sebegini masih ada waktu untuk segera insaf dan memohon ampun kepada ibu bapa kerana jika terlambat, akan menyesal selamanya terutama keampunan daripada ibu, kerana tanpa keampunannya kita tidak akan masuk syurga.

Walau bagaimanapun, ada juga didapati ibu bapa pula yang tidak menghiraukan anak-anak mereka dan mengabaikan tanggungjawab sebenar mereka. Umpamanya kita dapati sekarang ada sesetengah mereka tidak mendidik anak-anak dengan pelajaran agama, tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah malah mereka berjudi, berfoya-foya dan sebagainya sedangkan Islam menggalakkan para ibu bapa supaya mendidik anak-anak mereka dengan cara Islam seperti membawa anak-anak ke masjid bersembahyang jemaah, mengaji Al-Quran dan sebagainya. Islam menggalakkan kita menuntut ilmu kerana tanpa ilmu kita akan dihina dan diperbodoh-bodohkan orang. Oleh itu, berilmu itu amat penting dan gunakanlah ilmu sebaik-baiknya kerana jika kita tidak mengamalkan ilmu agama yang kita pelajari itu kita akan berdosa.

Ketahuilah, peranan muda-mudi amat penting tetapi malangnya muda-mudilah yang paling ramai terjebak dengan masalah-masalah sosial. Muda-mudi menghadapi pelbagai perkembangan jiwa

dan emosi yang amat memerlukan peranan ibu bapa atau pendidik untuk membimbing dan menanganinya dengan penuh timbang rasa dan bijaksana. Kita dapati sekarang ramai muda-mudi tidak bertata tertib dan tidak bersopan santun terutama terhadap orang-orang tua, guru dan ibu bapa. Ramai juga yang tidak bermoral dan terlibat melakukan jenayah dan menghadapi masalah sosial. Pakaiannya mereka sering menjolok mata, jauh menyimpang daripada ciri-ciri kebudayaan bangsa dan agama kita.

Kita lihat lagi pada zaman moden ini kebanyakan pergaulan muda-mudi sekarang bebas dan menyalahi hukum agama Islam, ada yang keluar rumah tanpa izin ibu bapa, tidak menutup aurat, si pemudi tidak berhijab, berpakaian seperti lelaki berseluar ketat dan berpakaian jarang menampakkan susuk tubuh mereka. Sedangkan Islam melarang semua ini dan menyuruh untuk menutup aurat sebagaimana firman Allah dalam Surah an-Nur, ayat 31 yang tafsirnya : "Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan (aurat) mereka kecuali yang zahir daripadanya (muka dan kedua telapak tangan)."

Ada juga yang bergaul melampaui batas keluar dengan teman lakinya tanpa berasa malu-malu seolah-olah seperti orang yang sudah berkahwin, berpegangan tangan, melakukan maksiat, berjumpa di tempat-tempat yang gelap dan sunyi dan bermacam-macam lagi. Hal sebegini boleh membawa kepada kehancuran kerana itu kita dapati sekarang banyak tempat pelacuran dan perkara-perkara jenayah berlaku.

Agama Islam menggalakkan kita mengisi masa dengan beribadat seperti membaca

buku-buku agama, bertasbih, berzikir dan sebagainya agar menguatkan lagi keimanan kita demi untuk mempertahankan diri daripada terjerumus kepada masalah sosial seperti melepak di sana sini tanpa tujuan membuang masa dan sia-sia.

Oleh itu, janganlah kita melakukan masalah-masalah sosial bebas sebegini kerana ia tiada membawa manfaat malah memudharatkan diri kita seperti mudah dijangkiti penyakit yang dikenali sekarang sebagai penyakit AIDS dan gangguan-gangguan jiwa dan berlaku jenayah-jenayah buruk seperti berani membunuh diri untuk lari dari menghadapi masalah-masalah dan sebagainya. Dari itu, sebagai seorang Islam sedarlah sebelum melakukan sesuatu perbuatan dan lakukanlah mengikut hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah kepada kita dan banteraslah perkara-perkara jenayah, gejala-gejala sosial yang melanda sekarang dengan secepat mungkin melalui membanyakkan mempelajari ilmu agama dan mengamalkannya dengan baik dan mengikut batas-batas agama serta hukum-hukumnya.

Ingatlah jika kita melakukan perbuatan di luar daripada hukum agama Islam, kita akan mendapat dosa besar dan dilaknat oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan ketahuilah azab dan hukum Allah itu amat berat bagi kita yang berkelakuan melampau dan menyalahi hukum-hukum Allah. Alangkah bahagianya bagi orang-orang Islam yang benar-benar mengikut ajaran Islam dalam pergaulan mereka sehari-hari dan telah dijanjikan pahala besar dan lepas daripada azab seksa Allah yang berat dan dengan izin Allah jua akan dimasukkan mereka ke dalam syurga selama-lamanya.

Padi Hibrid keluarkan hasil lebih tinggi

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid

WASAN, Isnin, 29 Oktober. - Padi Hibrid adalah padi yang dihasilkan daripada kacukan silang (*cross-pollination*) antara dua induk varieti yang berbeza. Kacukan ini akan menghasilkan Padi Hibrid yang mempunyai sifat yang berbeza serta mempunyai hasil yang tinggi berbanding induknya disebabkan oleh fenomena kesuburan Hibrid yang dipanggil Heterosis.

Kelebihan Padi Hibrid adalah mengeluarkan hasil yang lebih tinggi berbanding Padi Inbred, pertumbuhan yang lebih mantap lebih rintang terhadap penyakit dan perosak, benih Padi Hibrid perlu dihasilkan setiap musim kerana ia memerlukan proses pengacukan.

Padi Sembada188 adalah salah satu varieti Padi Hibrid yang dikenal pasti daripada projek kerjasama penyelidikan yang dijalankan di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Syarikat PT. Biogene

Plantation, Republik Indonesia.

Projek kerjasama ini telah dilaksanakan sepanjang tiga musim, iaitu bermula pada Mei 2016 dan berakhir pada Mac 2018. Benih Padi Sembada188 telah dibekalkan oleh Yaz & Wyn Enterprise, iaitu syarikat perusahaan bumiputera yang telah dilantik sebagai pengedar tunggal benih tersebut bagi Negara Brunei Darussalam.

Penanaman projek rintis Sembada188 bermula 29 Oktober 2018 di Kawasan Kemajuan Padi Wasan dan melibatkan kawasan seluas 35ha yang diusahakan oleh 19 peladang daripada Koperasi Setia Kawan (KOSEKA) dan Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu.

Manakala Padi Titih adalah salah satu varieti Padi Hibrid yang dikenal pasti daripada projek kerjasama pembangunan Padi Hibrid di Negara Brunei Darussalam yang dijalankan di antara Jabatan Pertanian dan

Agrimakanan dengan Syarikat Sunland Agri-Tech Pte. Ltd., Republik Singapura.

Projek kerjasama ini telah bermula sejak daripada September 2009. Projek kerjasama ini melibatkan pemilihan varieti-varieti Padi Hibrid yang berpotensi untuk ditanam di Negara Brunei Darussalam, serta pembangunan kapasiti pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta peladang-peladang padi tempatan dalam pengurusan tanaman Padi Hibrid. Pada masa ini, benih Padi Titih dihasilkan di Republik Kesatuan Myanmar oleh Syarikat Golden Sunland Co. Ltd., iaitu sebuah anak syarikat Sunland Agri-Tech Pte. Ltd.

Bagi penanaman Padi Hibrid Titih secara besar-besaran, benih Padi Titih akan diimport daripada Republik Kesatuan Myanmar sementara menunggu ladang pengeluaran benih Titih dibangunkan di Kawasan Kemajuan Pertanian Batong. Penanaman Padi Titih ini dijangka akan bermula pada tahun 2019.

Pendaftaran Berkhatan mulai 19 - 28 November

Siaran Akhbar :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pendaftaran Perkhidmatan Berkhatan bagi Musim Cuti Persekolahan Penggal Ketiga Tahun 2018 akan bermula pada 19 hingga 28 November 2018.

Manakala Perkhidmatan Berkhatan pula bermula pada 29 November hingga 26 Disember nanti, dibukakan dari jam 8.15 pagi hingga 11.15 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang (pada waktu hari bekerja

sahaja), bertempat di Bekas Klinik Obstetrik dan Ginekologi, Blok 3, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) (berdepanan dengan Kantin BKSS, Hospital RIPAS).

Sehubungan itu, ibu bapa atau penjaga hendaklah membawa bersama anak mereka berserta salinan surat beranak dan kad Bru-HIMS semasa membuat pendaftaran bagi pemeriksaan kesihatan.

Orang ramai juga bolehlah menghubungi Pegawai-pegawai Pengkhatan yang bertugas di Unit Berkhatan, Hospital RIPAS pada waktu hari bekerja sahaja mulai 3 November ini melalui talian +673 2242424 sambungan 6431.

Taklimat Persediaan Konvokesyen bagi bakal Graduan PB, 3 November

Siaran Akhbar :
Politeknik Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Politeknik Brunei (PB) akan mengadakan Taklimat kepada Bakal-bakal Graduan sebagai Persediaan bagi Majlis Konvokesyen PB Ke-4 yang akan diadakan pada awal bulan Disember 2018 nanti.

Sehubungan itu, PB menjemput bakal graduan yang akan menerima Diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen PB Ke-4 untuk hadir ke Sesi Taklimat tersebut yang akan diadakan pada Sabtu, 3 November nanti, bertempat di Dewan Kuliah (Lecture Theatre), Institut Sains

Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Jalan Tungku, Gadong.

Sesi Taklimat tersebut akan dibahagikan kepada dua sesi, iaitu Sesi Pertama yang akan dimulakan pada jam 8.30 pagi bagi bakal graduan daripada Sekolah Sains dan Kejuruteraan dan Sekolah Sains Kesihatan.

Sementara itu, Sesi Kedua pula akan dimulakan pada jam 1.30 petang bagi bakal graduan daripada Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Sekolah Perdagangan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman sesawang rasmi PB di alamat <http://www.pb.edu.bn>.



KEBERSIHAN MULUT DAN GIGI

- Berus gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari.
- Berus gigi selepas makan dan sebelum tidur.
- Berus gigi dengan cara yang betul.
- Gunakan ubat gigi yang berflorida tanpa perisa.
- Elakkan berkumur selepas memberus gigi.
- Gunakan flos/benang gigi untuk membersihkan di celah-celah gigi.
- Elakkan berkongsi berus gigi, walaupun di antara keluarga.
- Kurangkan memakan makanan atau meminum minuman yang manis.



Sumber : Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam www.moh.gov.bn

Lawatan kerja Ahli MMN ke Progresif



LAWATAN kerja rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke Syarikat Progresif Cellular (Progresif) di Bandar Seri Begawan (kiri dan kanan).

Berita dan Foto: Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) meneruskan lagi lawatan kerja mereka ke Syarikat Progresif Cellular (Progresif) di Bandar Seri Begawan.

Tujuan lawatan kerja Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke Progresif adalah untuk melihat dengan lebih dekat lagi perkhidmatan - perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat-

syarikat penyedia telekomunikasi tempatan.

Selain itu, ia juga bagi memberikan peluang kepada Ahli-ahli MMN untuk mengetahui lebih terperinci mengenai isu-isu yang berhubung kait dengan pembekalan perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam sebagai persediaan kepada Sesi Muzakarah Ahli-ahli MMN dengan Kementerian Perhubungan pada hujung bulan November nanti.

Program lawatan dimulakan di Bilik Latihan Progresif, Kiarong sebelum melawat ke Progresif Radio yang dilancarkan pada bulan November 2017.

Progresif Radio merupakan inovasi baharu dalam industri radio dan muzik tempatan yang menggabungkan penstriman langsung (*direct streaming*) dan kandungan atas permintaan (*content on demand*) di platform mudah alih baharu.

Sejak pelancarannya, aplikasi Progresif Radio telah dimuat turun sebanyak 20,000 kali.

Ahli-ahli MMN juga berkesempatan melawat Pusat Operasi Rangkaian (Network Operations Centre) dan seterusnya ke Bilik Inkubator Progresif.

Bilik tersebut merupakan ruang kerja pelbagai fungsi (*multifunctional co-working space*) untuk menyokong

keusahawanan dan membangun industri ICT tempatan melalui inisiatif-inisiatif yang menyokong inovasi.

Setakat ini, Bilik Inkubator Progresif menempatkan tiga *start-up* di mana salah satu daripadanya adalah Syarikat Dart yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan tempatan.

Sejak ditempatkan di Bilik Inkubator Progresif pada awal tahun 2017, Dart telah mampu berkembang dan kini mampu menawarkan lebih daripada 2,500 perjalanan sebulan.

Rombongan kemudian beredar ke cawangan Progresif An-Nuha di Tanjung Bunut.

Cawangan tersebut adalah

cawangan pertama syarikat Progresif dan satu-satunya cawangan yang mempunyai bahagian korporat. Ahli-ahli MMN juga berpeluang melihat dengan lebih dekat lagi pengurusan perkhidmatan pelanggan dan produk-produk Progresif.

Progresif mula dirasmikan pada Julai 2014 dan telah berkembang dengan cepat untuk meningkatkan tahap pencapaian kepada pemegang penting dan pengguna. Menurut statistik pihak Progresif, jumlah pelanggan telah meningkat sebanyak empat kali ganda, daripada 56,102 pada tahun 2015 ke 198,088 pada tahun ini.



Hormati dan hargai jasa warga emas

WARGA emas adalah golongan individu yang berumur lebih daripada 60 tahun. Mereka memainkan peranan yang penting dalam masyarakat meskipun dengan usia yang sudah lanjut. Tanpa mereka, sebuah masyarakat itu tidak akan dapat berdiri teguh. Golongan warga emas mempunyai pengalaman hidup yang luas dan justeru itu, masyarakat hendaklah mengambil pandangan mereka dengan serius dalam pelbagai aspek.

Warga emas merupakan golongan yang paling berjasa bukan sahaja kepada keluarga bahkan masyarakat dan negara. Mereka telah melalui pelbagai dugaan dan cabaran hidup demi membesarkan anak-anak yang bakal menjadi pamacu negara di masa akan datang. Namun, pada masa ini, kita sering mengabaikan sumbangan dan jasa yang telah mereka curahkan kepada kita tanpa mengenal erti penat dan lelah. Hal ini perlu kita perbetulkan agar mereka berasa dihormati dan

dihargai. Terdapat pelbagai cara untuk menghormati jasa warga emas.

Ahli keluarga perlu memupuk rasa kasih dan sayang kepada warga emas untuk menunjukkan sifat hormat atas sumbangan yang mereka berikan selama ini. Mereka adalah ibu bapa kita yang sanggup berkorban apa sahaja demi mendidik dan melihat kita berjaya dikemudian hari. Jadi, dengan itu adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membalas budi mereka dengan sebaik-baiknya.

Warga emas hanya mahu melihat kita memberi sepenuh perhatian dan mendampingi mereka lebih-lebih lagi pada masa mereka sangat-sangat memerlukan kita. Anak-anak perlu menerapkan sifat sopan santun apabila berbicara dengan ibu bapa. Mencium tangan mereka ketika

bersalam adalah salah satu contoh cara kita menghormati mereka.

Perbuatan meninggalkan warga emas adalah sama sekali tidak wajar. Ada segelintir masyarakat yang menghantar ibu bapa mereka ke rumah orang tua. Hal ini sangat tidak bermoral kerana perbuatan ini menunjukkan pengabaian tanggungjawab seorang anak untuk menjaga ibubapa mereka. Ibu adalah orang yang kita perlu sayangi dan kasihi kerana syurga itu terletak di bawah kaki mereka. Bapa pula adalah orang yang banyak berkorban masa, harta dan jiwa mereka demi menjadikan kita sebagai insan yang berguna.

Nama : Mohamad Abdul Azim bin Zainudin
No. K/P : 01-072789 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Berbudi Kepada Tanah Besar Hasilnya'. Tarikh Tutup : 31 Oktober 2018
2. 'Faedah Bekerja Sendiri Dalam Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 7 November 2018
3. 'Imarahkan Masjid Dengan Aktiviti Berkebajikan'. Tarikh Tutup : 14 November 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Tinjau Pejabat Pos Pusat Memproses Mel



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara melihat lebih dekat mengenai barangan berdaftar, paket kecil, bungkusan mel iklan, EMS Poslaju Tempatan dan Ems Speedpost Antarabangsa (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 29 Oktober. - Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) meneruskan lawatan kerja ke Jabatan Perkhidmatan Pos di Pejabat Pos Pusat Memproses Mel, Lapangan Terbang Lama Berakas

sebagai persediaan bagi Sesi Muzakarah Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dengan Kementerian Perhubungan yang akan diadakan pada 26 November 2018 nanti.

Lawatan bermula di Bahagian Memproses Mel yang mana Ahli-ahli MMN berpeluang untuk

melihat secara lebih dekat kerja-kerja pemprosesan, pemeriksaan X-Ray dan penyisihan mel-mel yang sampai di Pusat Memproses Mel selain diberikan taklimat mengenai jenis-jenis mel seperti surat, barangan berdaftar, paket kecil, bungkusan mel iklan, EMS Poslaju Tempatan dan Ems Speedpost Antarabangsa.

Pada tahun 2017, jumlah peratus mel terbanyak adalah surat 89.5 peratus, paket kecil 5.9 peratus diikuti dengan mel iklan 3.2 peratus, EMS Poslaju Tempatan 0.7 peratus, EMS Speedpost Antarabangsa 0.5 peratus dan

bungkusan 0.2 peratus.

Ahli-ahli MMN juga berkesempatan untuk mengetahui agensi-agensi yang terlibat dalam pengendalian dan pemprosesan mel seperti Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang berperanan sebagai agensi penguat kuasa dalam menentukan barangan pos tersebut boleh dihantar terus (dengan memberi label hijau) atau barangan pos tersebut memerlukan pemeriksaan lanjut oleh pihak-pihak berkuatakuasa yang berkenaan termasuk barangan bercukai dan terkawal (dengan memberi label berwarna merah).

Seterusnya, Ahli-ahli MMN

juga diberikan penerangan mengenai sistem aplikasi BruTRACK yang mula diperkenalkan pada Januari 2018 yang berfungsi sebagai aplikasi pengesanan barangan pos untuk membantu orang ramai bagi mengetahui keadaan status barangan pos mereka dengan lebih tepat.

Ahli-ahli MMN turut dibawa melawat ke Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC), mini pameran produk filateli serta penerangan mengenai dengan pelaksanaan Projek Rintis Sistem Qpintar QueUp yang diperkenalkan baru-baru ini.

Penanaman padi, sayur, bantu sara diri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohidin



LEFTENAN Kolonel (B) Awang Haji Mohd. Shahan bin Hidup semasa ditemu bual.

MUKIM KILANAS, Isnin, 29 Oktober. - Varieti padi yang dikenali sebagai Padi Sembada188, yang merupakan varieti padi yang dikenal pasti melalui kerjasama penyelidikan di antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Syarikat PT.

Pengerusi Koperasi Setia Kawan (KOSEKA); Ketua Ladang Projek Penanaman Padi, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Mohd. Shahan bin Hidup, Ahli Majlis Perundingan Mukim Pengkalan Batu ketika ditemui berkata, Biogene Plantation dari Republik Indonesia telah dijalankan selama tiga musim, bermula Mei 2016 dan berakhir

pada Mac 2018.

Ketika ditemui pada Majlis Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (High Yielding Hibrid Variety Paddy) di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu di sini, beliau seterusnya menjelaskan, Padi Sembada188 mempunyai purata hasil sebanyak 5.0 - 6.0 tan metrik sehektar semusim.

Tambahnya, benih Padi Sembada188, diimport dari Republik Indonesia melalui Yaz & Wyn Enterprise, yang mana adalah merupakan syarikat perusahaan bumiputera yang telah dilantik menjadi pengedar tunggal bagi Negara Brunei Darussalam.

Manakala Awang Rosli bin Haji Ramlee yang mengikuti bawah Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) kelolaan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bertempat di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kampung Kilanas menjelaskan, dengan usaha yang bersungguh-sungguh boleh menyara kehidupan seharian.

Menurutnya, dengan adanya tanah seluas 1.1 hektar yang diusahakan oleh lima orang peserta PROPAZ membolehkan mereka menanam jenis tanaman seperti cili, sayur daun dan jagung.

"InsyaaAllah jika tanaman ini berhasil mungkin akan menambah beberapa jenis tanaman seperti terung dan timun. Saya amat bersyukur kerana dapat mempelajari berapa tanaman sayur yang dibantu oleh beberapa mentor dari Jabatan Pertanian," jelasnya.

Profil industri pertanian, agrimakanan ditingkatkan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohidin

WASAN, Isnin, 29 Oktober. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengambil langkah dan inisiatif ke hadapan untuk mengukuhkan dan meningkatkan lagi profil industri pertanian dan agrimakanan dalam tempoh lima tahun dengan penyediaan Pelan Strategik Industri Pertanian dan Agrimakanan 2016 - 2020.

Demikian jelas Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP, Dayang Aidah binti Haji Hanifah menjelaskan semasa ditemu bual pada Majlis Perasmian Penanaman Varieti Padi Hibrid Berhasil Tinggi (High Yielding Hibrid Variety Paddy) di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Wasan, Mukim Pengkalan Batu, sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun.

"Pelan Strategik ini adalah sebagai panduan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam usaha untuk memastikan perancangan adalah sejajar dengan visi; iaitu Ke Arah Pertumbuhan Keluaran Industri Berasaskan Pertanian dan Agrimakanan Melalui Peningkatan Produktiviti dan Teknologi Tinggi Berorientasikan Eksport yang seterusnya diharapkan akan memberi sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)," jelasnya.

Di samping itu menurutnya, pasaran domestik juga terus diterokai seiring dengan pasaran eksport. Keluaran daripada sektor

pertanian dan agrimakanan di negara ini telah menunjukkan perkembangan yang positif dan menggalakkan.

Daripada trend pencapaian dalam tempoh 20 tahun kebelakangan, nilai keluaran sektor pertanian dan agrimakanan jelasnya, berkembang pada kadar purata 7.71 peratus setahun, iaitu daripada BND93 juta pada tahun 1998 kepada BND380 juta pada tahun 2017.

Pihak KSSUP melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan jelasnya, memperkenalkan varieti-varieti padi berhasil tinggi boleh menghasilkan hingga 6-8 tan metrik sehektar semusim bagi meningkatkan lagi keluaran beras negara dan padi-padi jenis Hibrid ini telah pun dikenal pasti kesesuaian penanamannya melalui aktiviti penyelidikan di negara ini dan telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

"KSSUP melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengukuhkan 'Program Pendedahan Perusahaan Pertanian Untuk Para Belia Secara Perladangan Berkontrak (Contract Farming)' selama empat hari, iaitu program pertama pada 15 Januari hingga 18 Januari 2018 dan program kedua pada 29 Januari hingga 1 Februari 2018 lalu. Program ini adalah merupakan salah satu inisiatif jabatan dalam mendukung Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2016 - 2020," ujarnya.

Di samping itu, menurutnya program ini bertujuan untuk mendedahkan perusahaan pertanian sebagai satu perniagaan yang menguntungkan, serta membuka peluang kepada belia-belia untuk melabur dalam sektor pertanian melalui pendekatan Contract Farming, khususnya dalam bidang industri tanaman menggunakan sistem pengeluaran berteknologi tinggi, yang boleh meningkatkan hasil pertanian dan memberikan pulangan yang lumayan.



PENGARAH Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Aidah binti Haji Hanifah semasa ditemu bual.



Apa Pendapat Biskita?

Makanan segera terhadap kesihatan

MAKANAN segera ialah makanan yang telah siap diproses dan boleh disediakan dalam tempoh waktu yang cukup singkat. Makanan segera amat sinonim dalam kalangan masyarakat kini, khususnya golongan kanak-kanak. Umum mengetahui bahawa pengambilan makanan segera secara berlebihan adalah tidak digalakkan dan boleh mendatangkan mudarat kepada diri sendiri. Namun demikian, masih ramai yang meneruskan tabiat pemakanan yang tidak sihat ini, lantaran faktor harga makanan segera yang jauh lebih murah daripada makanan biasa. Namun demikian, kenyataan bahawa mengambil makanan segera secara berlebihan mendatangkan kesan buruk tidak dapat disangkal lagi. Persoalannya, apakah kesan buruk pengambilan makanan segera secara berlebihan kepada kesihatan?

"Seperti yang kita sedia maklum, makanan segera mengandungi banyak bahan makanan yang digunakan secara berlebihan. Salah satunya ialah gula. Gula sememangnya penting kepada tubuh badan kerana gula merupakan salah satu karbohidrat yang berfungsi membekalkan tenaga kepada kita. Namun demikian, pengambilan gula secara berlebihan adalah tidak baik dan boleh mendatangkan kesan sampingan. Contohnya, satu tin air minuman berkarbonat mengandungi kira-kira 10 sudu teh gula. Hal ini akan menyebabkan peningkatan paras gula di dalam darah. Paras gula yang berlebihan di dalam darah akan menyebabkan berlakunya rintangan insulin dan menyumbang kepada kegagalan insulin untuk berfungsi dengan baik. Kesannya, gula yang berlebihan itu tadi tidak akan dapat ditukarkan kepada tenaga dan sekali gus mengakibatkan pesakit yang menghadapi kencing manis ini cepat keletihan dan kepenatan apabila melakukan sesuatu kerja. Oleh itu, jelaslah bahawa mengambil makanan segera secara berlebihan boleh mendatangkan pelbagai penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, buah pinggang dan sebagainya." - **Prihatin kepada kesihatan BSB.**

"Menjadikan makanan segera sebagai hidangan utama untuk seisi keluarga kesannya bukan sahaja mengalami masalah obesiti, tetapi berpotensi juga mendapat penyakit jantung, kerana salur darah telah tersumbat dengan lemak yang tidak dibakar sepenuhnya. Oleh itu, sudah nyata bahawa mengambil makanan segera bukan sahaja akan mengakibatkan masalah obesiti tetapi turut membuka ruang untuk mendapat penyakit yang lebih kronik seperti penyakit jantung dan lain-lain," - **Rahimah Md. Zain, Tutong.**

"Pengambilan makanan segera mendatangkan banyak mudarat terutama terhadap kesihatan kita. Kita seharusnya bijak dalam memilih hidangan untuk dimakan. Jangan hanya difikirkan kelazatannya sahaja tetapi mengabaikan kandungan zat dan nutrisi yang terkandung dalam makanan tersebut. Sekiranya semua pihak mengamalkan pemakanan yang sihat pastinya masalah kesihatan seperti Diabetes, Obesiti, Sakit Jantung dan lain-lain dapat dikurangkan, seterusnya melahirkan lebih ramai anak muda yang sihat dan seimbang dari segi mental dan fizikal." - **Daffy Lumut.**

"Makanan ringan dan makanan segera amat popular dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Pengambilan makanan ringan dan makanan segera oleh anak-anak sepatutnya dipandang serius oleh ibu bapa kerana amalan pemakanan yang seimbang dapat melahirkan individu yang sihat. Oleh itu, ibu bapa perlulah memainkan peranan dalam mengawasi pemakanan anak-anak mereka. Kebanyakan makanan segera dan makanan ringan yang dijual di pasaran mengandungi bahan kimia dan masyarakat tidak menyedarinya. Bahan kimia tersebut akan memberikan impak kepada kesihatan mental anak-anak, oleh itu, ibu bapa juga perlulah mendedahkan tentang kebaikan dan keburukan makanan segera dan makanan ringan." - **Pengiran Hajah Zainab HM.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- Tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam
- Kebaikan dan keburukan blog



Kenali Bahasa Brunei

tasadik bermaksud tersentuh perasaan atau tersinggung dengan kata-kata yang kasar, maki hamun, cemuhan, dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : **tasadik**ku kan kurapaknya atu, kadiaku dibacang-bacanginya.

manyalap bermaksud menyampuk atau mencelah percakapan orang.
Contoh pemakaian kata : nah, **manyalap**tah jua anak ani, ani kan urang tua-tua bakurapak.

salili bermaksud
1 serupa atau sama tentang warna cat rumah, cat perahu, dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata : mun kan ka rumah Si Awang atu siwala mata ulihnya, sajanjar rumah bisdia atu **salili**.

2 sama warna atau sama coraknya tentang pakaian.
Contoh pemakaian kata : anak-baranak bisdia mamakai baju **salili** ka jamputan atu, sanang mangilala.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG BELIMBING, SUBOK



Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

UMBUT LUBA, DAUN BAGU SAPAK MANGKUTUT

BAHAN-BAHANNYA :

- Air
- Minyak
- Garam secukupnya
- Umbut Luba - dipotong kecil-kecil
- Daun Bagu
- Mangkutut
- Bawang Merah
- Bawang Putih

CARA MEMBUATNYA :

Masukkan minyak, tumiskan bawang merah, bawang

putih, garam. Kemudian masukkan umbut luba yang telah dibersihkan. masukkan air secukupnya dan gaul rata. Setelah umbut luba lembut, masukkan mangkutut. Setelah itu, baru masukkan daun bagu hingga masak.

Dinamik ke arah Perkhidmatan Awam yang progresif

Rencana dan Foto :

Sumbangan Tabung Amanah Pekerja dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei



APLIKASI MUDAH ALIH

تابوڠ امانه فڪر جا
TABUNG AMANAH PEKERJA

TAP Brunei

SKIM KITANI, PENGELUARAN, KALKULATOR CARUMAN, PERANCANGAN PERSARAAN, SUMBER RUJUKAN, HUBUNGI TAP

Available on the App Store

ANDROID APP ON Google play

CIRI-CIRI:

- Skim Kitani
- Pengeluaran
- Sumber Rujukan
- Kalkulator Caruman
- Perancangan Persaraan
- Hubungi TAP

Aplikasi ini direka untuk memudahkan awda mendapatkan maklumat mengenai TAP. Semua di hujung jari awda.

APLIKASI mudah alih TAP Brunei.

TANGGAL 1 Januari 1993 bermulanya perubahan dalam landskap perlindungan sosial di Negara Brunei Darussalam. Sebelum penubuhan Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), hanya pekerja di sektor awam dan yang bekerja dalam syarikat atau perusahaan besar sahaja yang mempunyai simpanan persaraan. Kebanyakan pekerja sektor swasta yang lain hanya bergantung kepada Pencen Umur Tua semasa persaraan.

Skim TAP diwujudkan sebagai satu skim keselamatan sosial secara menyeluruh bagi tenaga kerja di sektor awam mahupun swasta. Melalui Skim TAP ini, pekerja dan majikan dimandatorikan mencarum sebanyak 5 peratus daripada gaji bulanan pekerja yang membolehkan ahli mempunyai simpanan persaraan minima melalui simpanan secara mandatori di TAP.

Menyentuh mengenai kecukupan bergantung pada satu simpanan persaraan sahaja bagi kegunaan semasa hari persaraan, pihak kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan lagi simpanan persaraan sekali gus menjamin kelangsungan hidup rakyat di hari tua nanti dengan menubuhkan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) pada 1 Januari 2010. Dengan adanya Skim SCP ini, pekerja dan majikan adalah dimandatorikan untuk membuat

caruman sebanyak 3.5 peratus daripada gaji bulanan pekerja. Berbeza dengan pengeluaran Skim TAP di mana pengeluaran simpanan adalah secara penuh, ahli skim SCP akan menerima pendapatan bulanan (anuiti) secara tetap berdasarkan jumlah simpanan mereka setelah mencapai umur persaraan mandatori 60 tahun.

Melalui Skim SCP ini, sebanyak 1/7 daripada 7 peratus daripada caruman mandatori akan diperuntukkan bagi Pelan Perlindungan Keberterusan (Survivorship Benefit Plan). Manfaat perlindungan sebanyak BND400 sebulan akan diberikan kepada tanggungan ahli SCP (balu dan anak-anak yang berumur 21 tahun ke bawah dan belum berkahwin) selama 15 tahun. Ini adalah bagi menjaga kesejahteraan tanggungan jika ahli SCP meninggal dunia sebelum mencapai usia 60 tahun.

Pihak kerajaan juga sentiasa mengambil pendekatan holistik agar manfaat skim ini dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Sejajar dengan perkembangan industri keusahawanan, individu yang bekerja sendiri (sektor informal) juga boleh menyertai Skim SCP ini dengan hanya membuat caruman minimum BND17.50 setiap bulan yang mana pihak kerajaan juga akan memberikan caruman padanan (*match-up contribution*) sebanyak BND17.50 kepada ahli

berkenaan bagi membolehkan mereka mempunyai simpanan persaraan.

Jaminan keselamatan sosial tidak hanya terhad kepada simpanan persaraan sahaja malahan ia merangkumi aspek memiliki kediaman sendiri sebagai keperluan asasi individu. Skim Tabungan Perumahan (STP) diperkenalkan pada tahun 2012, memperlihatkan reformasi dalam jenis-jenis skim di bawah TAP dan komitmen kerajaan dalam meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat. Skim simpanan secara sukarela ini memberikan jaminan kadar pulangan dividen minimum 3 peratus mengikut tahun kewangan bagi ahli-ahlinya yang menerima gaji pokok tidak melebihi BND6,000 sebulan dan bantuan kewangan sehingga BND25,000 bagi setiap peserta yang berkecukupan. Insentif ini bertujuan untuk membantu ahli memiliki rumah sesuai dengan kemampuan mereka sekali gus membudayakan sifat menabung.

TAP sentiasa progresif dalam mempelbagaikan perkhidmatan yang diberikan. Sesuai dengan perkembangan infrastruktur, perkhidmatan tidak hanya diberikan melalui kaunter sahaja tetapi diperluaskan lagi secara dalam talian (*online*) yang bertujuan untuk melebarkan akses kepada pengguna. Ahli boleh mengakses maklumat akaun mereka serta mencetak penyata simpanan TAP dan SCP dengan hanya menggunakan kad pintar mereka melalui mesin e-Kiosk TAP yang telah dilancarkan pada tahun 2001.

Penggabungan Lembaga TAP dan Lembaga SCP juga memudahkan majikan untuk membuat pembayaran melalui kemudahan One Payment yang diperkenalkan pada tahun 2016. Kemudahan ini membolehkan pembayaran caruman disatukan dan perkiraan caruman yang lebih teratur.

Transformasi dalam perkhidmatan TAP dipertingkatkan lagi dengan memperkenalkan perkhidmatan *online* e-Amanah yang dilancarkan melalui platform laman sesawang TAP bagi memudahkan lagi urusan orang ramai bersama TAP. Pada tahun 2017 pula, penggunaan e-Amanah bagi setiap majikan telah mencapai 100 peratus di mana urusan pembayaran dan pengemaskinian maklumat boleh dibuat secara *online* sahaja.

Bagi menyokong inisiatif pihak kerajaan menerusi Ease of Doing Business yang memudahkan pendaftaran majikan baharu, *interface* di antara TAP dan Bahagian Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan dan Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat (ROCBN) membolehkan majikan untuk mempunyai akaun TAP secara automatik ketika mendaftar di ROCBN.

Bagi ahli pula, prosedur pengemaskinian

maklumat peribadi dan mendapatkan e-Penyata terkini serta membuat caruman sukarela adalah lebih mudah dengan menggunakan perkhidmatan e-Amanah. Perkhidmatan kalkulator perancangan persaraan yang sedia ada juga dihasratkan untuk membantu ahli membuat pelan perancangan kewangan lebih awal bagi persiapan hari persaraan.

Setiap ahli mempunyai keperluan yang berbeza terutama sekali dalam matlamat persaraan mereka. Oleh itu, caruman sukarela diperkenalkan pada 1 Mac 2011 yang memberikan fleksibiliti kepada ahli untuk mencarum melebihi kadar caruman mandatori dengan sekerapnya tanpa had bagi mencapai sasaran persaraan mereka. Caruman sukarela ini boleh dilakukan melalui Kaunter TAP dan juga secara *online* melalui e-Amanah.

Demi membantu ahli dalam perancangan persaraan, satu perkhidmatan khas telah pun ditubuhkan pada tahun 2017 dengan objektif untuk membantu ahli dalam membuat perancangan persaraan bagi persediaan hari tua ahli, di samping meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai kepentingan mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi.

Peningkatan dalam penggunaan telefon bimbit dan evolusi teknologi maklumat telah mendorong TAP untuk tidak ketinggalan dalam menawarkan perkhidmatan dalam medium yang berbeza dan lebih mudah alih. TAP Brunei telah dilancarkan pada bulan Mei 2018 yang dihasratkan untuk memperkesakan lagi penggunaan perkhidmatan TAP misalnya kalkulator caruman dan kalkulator perancangan persaraan yang terdapat dalam versi yang lebih mesra pengguna bagi menyenangkan lagi ahli dalam membuat perancangan mereka.

Kepelbagaian dalam mod pembarigaan juga menjadi asbab menjamin keberhasilan untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang selaras dengan objektif TAP. Oleh itu, TAP tidak hanya menggunakan media massa secara tradisional bahkan medium komunikasi juga telah berubah sesuai dengan peredaran semasa khususnya dalam penggunaan media sosial.

Secara amnya, TAP telah menyediakan pelbagai kaedah yang membolehkan ahli untuk menghubungi, mengongsikan cadangan ataupun memberikan maklum balas melalui pusat panggilan, e-mel, laman sesawang TAP, aplikasi mudah alih TAP serta melalui media sosial seperti laman Facebook.

Selari dengan misi TAP dalam membantu ahli untuk menyimpan dan mengoptimalkan tabungan persaraan, TAP akan sentiasa dinamik dalam mengukuhkan dan menjamin lagi keselamatan sosial di Negara Brunei Darussalam dengan membuat transformasi ke arah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan progresif.

'PENINGKATAN dalam penggunaan telefon bimbit dan evolusi teknologi maklumat telah mendorong TAP untuk tidak ketinggalan dalam menawarkan perkhidmatan dalam medium yang berbeza dan lebih mudah alih. TAP Brunei telah dilancarkan pada bulan Mei 2018 yang dihasratkan untuk memperkesakan lagi penggunaan perkhidmatan TAP misalnya kalkulator caruman dan kalkulator perancangan persaraan yang terdapat dalam versi yang lebih mesra pengguna bagi menyenangkan lagi ahli dalam membuat perancangan mereka.'

Program Keagamaan Senegara mendukung transformasi pendidikan agama berkesan

JABATAN Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mempunyai misi untuk meningkatkan dan memantapkan sistem pendidikan dan pelajaran agama menerusi pengurusan dan pendekatan yang berkesan dan dinamik melalui persekolahan Arab, persekolahan agama dan mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam. Pendidikan Islam diajarkan secara formal dan tidak formal di sekolah-sekolah Arab dan agama termasuk sekolah-sekolah rendah, menengah, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) serta beberapa agensi kerajaan / swasta dan kelas dewasa agama.

Dalam usaha untuk memberikan pendidikan agama yang berkesan, pada Januari 2013, JPI telah memperkenalkan Program Keagamaan Senegara (PKS) yang melibatkan semua pelajar di sekolah-sekolah Arab dan agama di Negara Brunei Darussalam. Program ini dilaksanakan setiap bulan semasa waktu persekolahan secara serentak. Lazimnya pengisian program berkenaan dimulai dengan sesi tazkirah dan diikuti dengan aktiviti seperti membaca Surah Yaa Siin, selawat, Ratib Al-Attas, Dikir Syarafil Anam, tausyeh, kempen kebersihan dan sebagainya mengikut tema yang ditetapkan berdasarkan hari-hari kebesaran Islam dan acara kenegaraan. Teks tazkirah disediakan oleh Bahagian Kokurikulum JPI manakala tazkirah disampaikan oleh guru-guru sekolah masing-masing. Program ini melibatkan semua guru dan murid di semua peringkat darjah dan dipantau oleh pegawai-pegawai dari JPI. Sebuah sekolah bagi setiap daerah akan dipilih untuk menjadi tumpuan PKS.

Aktiviti PKS bertujuan memastikan keseimbangan potensi diri pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Penglibatan pelajar dalam aktiviti program ini dihasratkan dapat mendukung transformasi pendidikan agama yang berkesan dari segi :

i. Memperkukuh akhlak melalui aktiviti-aktiviti keagamaan dan



AKTIVITI Program Keagamaan Senegara bertujuan memastikan keseimbangan potensi diri pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Rencana dan Foto : Sumbangan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

pengukuhan beragama. penghayatan

ii. Memperkasa ketaatan dan kesetiaan kepada raja dan negara.

iii. Melengkapkan diri pelajar dengan kualiti kepimpinan, jati diri dan sifat-sifat *mahmudah* seperti amanah, jujur, ikhlas, sabar dan lain-lain.

iv. Meningkatkan kemahiran sosial dan interaksi antara pelajar.

v. Mencungkil bakat dan potensi diri pelajar.

vi. Mengenal pasti minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum sama ada secara individu atau berpasukan.

PKS mendukung bagi

meningkatkan kebolehan, minat dan bakat pelajar-pelajar bagi menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran terutama penguasaan dalam bacaan Al-Quran dengan sempurna yang merupakan salah satu perkara teras dalam pendidikan agama.

Di samping itu, program ini juga memberi nilai tambah kepada pengetahuan pelajar. Contohnya pengisian pendidikan yang dimuatkan dalam PKS seperti penekanan terhadap mentaati kewajipan sembahyang fardu lima waktu, menggalakkan sembahyang berjemaah, khusyuk dalam sembahyang dan lain-lain. Menurut Imam Al-Ghazali, sembahyang mengandungi

'DALAM usaha untuk memberikan pendidikan agama yang berkesan, pada Januari 2013, JPI telah memperkenalkan Program Keagamaan Senegara (PKS) yang melibatkan semua pelajar di sekolah-sekolah Arab dan agama di Negara Brunei Darussalam. Program ini dilaksanakan setiap bulan semasa waktu persekolahan secara serentak. Lazimnya pengisian program berkenaan dimulai dengan sesi tazkirah dan diikuti dengan aktiviti seperti membaca Surah Yaa Siin, selawat, Ratib Al-Attas, Dikir Syarafil Anam, tausyeh, kempen kebersihan dan sebagainya mengikut tema yang ditetapkan berdasarkan hari-hari kebesaran Islam dan acara kenegaraan.'

rahsia-rahsia tertentu yang menyebabkan ia disifatkan menjadi tiang agama; antaranya ialah sifat tawaduk kerana mengerjakannya hendaklah dengan khusyuk melakukan rukuk dan sujud kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Begitu juga kepentingan dan kelebihan sembahyang sunat merupakan suatu amalan yang sangat digalakkan seperti Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Sunat Doha dan sebagainya.

Selain itu, PKS dihasratkan agar pelajar dapat menghayati amalan hidup berbudi bahasa dan berpekerti mulia seperti budaya tolong-menolong, bertolak ansur, bersedekah, amalan berjimat cermat, saling menziarahi, menghormati orang lain dan sebagainya. Amalan baik tersebut diterapkan melalui program ini sempena Sambutan Hari Keluarga dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Program ini juga menekankan kepentingan hidup yang baik, sempurna dan bahagia dengan melarang setiap manusia mendekati perbuatan yang keji yang boleh merosakkan diri manusia itu sendiri dan institusi keluarga. Ketaatan dan kesetiaan kepada raja dan negara juga diterapkan dalam program ini mengambil sempena sambutan acara-acara kenegaraan seperti Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan

Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta.

PKS dihasratkan menjadi medium pendidikan yang sesuai bagi guru-guru untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan agama kepada para pelajar. Guru-guru berperanan dalam membimbing, mendidik dan memberi latihan untuk mengembangkan potensi, bakat, kualiti dan membentuk personaliti pelajar yang seimbang duniawi dan ukhrawi bukan sahaja di dalam bilik darjah tetapi juga melalui pendidikan kokurikulum di luar bilik darjah. Program ini juga merupakan platform guru-guru untuk mengukuhkan penghayatan amalan beragama dalam kalangan pelajar melalui bacaan surah-surah pilihan, tausyeh, Dikir Syarafil Anam, Ratib Al-Attas, Sembahyang Sunat Hajat dan doa-doa pilihan.

Oleh yang demikian, JPI, KHEU berharap PKS ini akan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang memahami Tasawwur Islam yang sebenarnya sekali gus dapat melahirkan pelajar-pelajar yang beriman, beramal dan berakhlak mulia. Di samping itu pihak jabatan akan terus berusaha secara proaktif dalam memartabatkan pendidikan Islam di negara ini bagi mencapai dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang berhasrat mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.



PROGRAM ini juga memberi nilai tambah kepada pengetahuan pelajar seperti penekanan terhadap mentaati kewajipan sembahyang fardu lima waktu, menggalakkan sembahyang berjemaah, khusyuk dalam sembahyang dan lain-lain.

Sukan

INFO SUKAN

KEJOHANAN Golf Profesional merupakan acara sulung Asian Development Tour (ADT) yang akan diadakan pada 24 - 27 April 2019 di The Empire Golf & Country Club dengan menawarkan hadiah rebutan sebanyak USD75,000 untuk dimenangi.



ePaper Pelita Brunei

Penyertaan Perlawanan Golf Amal Pusat Ehsan 2018 dibukakan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Oktober. - Perlawanan Golf Amal Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) Kali Ke-17, 2018 akan diadakan pada 23 hingga 25 November 2018, bertempat di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei (RB), Berakas.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengerusi perlawanan, Awang Seruji bin Haji Setia pada Sidang Media mengenai perlawanan tersebut yang berlangsung di Kelab Golf RB, di sini.

Menurut beliau, kejohanan tersebut dijalankan berdasarkan 'System 36 (Stroke Play)', tetapi bagi Pemain Gross, acara Special Sunday Gross akan dijalankan FOC kepada 12 Top Gross Players untuk bertanding dan mendapatkan trofi cabaran.

"Kejohanan ini dibukakan untuk siapa sahaja yang berminat. Ia juga menampilkan The Patron's Challenge Trophy, yang dibukakan untuk wanita dan para pemain golf

senior," jelasnya.

Beliau juga turut menyatakan mengenai dengan yuran pendaftaran termasuk sarapan, makan tengah hari dan bugi (kereta golf).

Menurutnya lagi, kategori-kategori yang dibukakan adalah sama seperti perlawanan-perlawanan sebelumnya, iaitu Best Overall Gross; Best Overall Nett; Division 'A' (0-9); Division 'B' (10-18); Division 'C' (19-24); Senior Golfers (55 tahun ke atas); Ladies Event dan VIP & Sponsor.

Sementara itu, Pemegang Amanah dan Pemangku Pengerusi Pusat Ehsan selaku Jawatankuasa Penasihat Perlawanan, Dato Paduka Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab juga menjelaskan, mengenai hadiah-hadiah khas bagi pemenang Hole-in-Ones, Bull's Eye dan Putt-Stop Challenge.

Pengurusan kejohanan pula melibatkan Perkongsian Sektor Awam dan Swasta (Public Private

Partnership - PPP) dan jawatankuasa penganjur, yang dilantik dan bertanggungjawab kepada Pusat Ehsan, mempunyai beberapa ahli sukarela dari sektor swasta dan awam.

Menurut Pemegang Amanah Dasar dan Perancangan Pusat Ehsan yang juga selaku Jawatankuasa Penasihat Perlawanan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, Pusat Ehsan sebagai organisasi amal bukan kerajaan dan bukan berdasarkan keuntungan, memperoleh dana sepenuhnya daripada sumbangan masyarakat dan oleh itu, menambah dana untuk pusat itu adalah matlamat utama kejohanan.

"Kami mengucapkan terima kasih atas semua sokongan awda terutama Kelab Golf RB dan CityNeon, rakan kongsi acara kami dan Borneo Bulletin dan Media Permata, penyokong media cetak eksklusif kami," ujarnya.

Tema kejohanan ialah 'Perpetual Care', yang menggariskan keprihatinan dan dedikasi berterusan bagi orang kurang



PEMEGANG Amanah dan Pemangku Pengerusi Pusat Ehsan selaku Jawatankuasa Penasihat Perlawanan, Dato Paduka Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab (kiri) dan Pengerusi Perlawanan, Awang Seruji bin Haji Setia (kanan) pada Sidang Media mengenai Perlawanan Golf Amal Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) Kali Ke-17, 2018 yang akan berlangsung di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei (RB), Berakas.

upaya di bawah penjagaan penyertaan kejohanan berkenaan Pusat Ehsan. Borang-borang untuk boleh didapati di Kelab Golf RB.

Hengyi Industries anjur Pertandingan Bola Keranjang Persahabatan



Siaran Akhbar dan Foto :
Hengyi Industries Sdn. Bhd.

TUNGKU, Isnin, 29 Oktober. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) menganjurkan Pertandingan Bola Keranjang Persahabatan pada Sabtu, 27 Oktober lalu di antara para kakitangan dari Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Hengyi Industries di Gelanggang Bola Keranjang Komuniti Armada, Tungku Estet.

Ini merupakan Pertandingan Bola Keranjang Persahabatan yang pertama diadakan oleh Hengyi Industries, bertujuan untuk mengukuhkan hubungan di antara kedua-dua syarikat dan membina budaya pemahaman di antara

JPMC dan Hengyi Industries.

JPMC menyediakan perkhidmatan bantuan kesihatan dan perubatan untuk Hengyi Industries di Pulau Muara Besar (PMB). Kepentingan mewujudkan hubungan kerja yang kukuh di antara kedua-dua syarikat itu sangat ditekankan.

Pertukaran cenderahati di antara Ketua Pegawai Eksekutif Hengyi Industries, Chen Lian Cai dan Ketua Pegawai Operasi JPMC, Varghese Paulose, berlangsung sebelum pertandingan persahabatan bermula. Kedua-dua pasukan mempamerkan semangat kesukanan yang sangat baik.

AKSI Pertandingan Bola Keranjang Persahabatan di antara kakitangan Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan kakitangan Hengyi Industries di Gelanggang Bola Keranjang Komuniti Armada, Tungku Estet.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'BANGKIT' SEMULA SETELAH STROK'

دربیتکن اوله جباتن فترامن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam